



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 37 BILANGAN 6

RABU 5 FEBRUARI, 1992.

1412 رابو 1 شعبان

PERCUMA

**Jangan sewenang-wenangnya
habiskan masa di luar pejabat**

Kecuali kerana bertugas — titah

BERAKAS, 1 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyeru pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan supaya meluruskan penggunaan masa dalam apa jua kegiatan yang berkaitan dengan tugas-tugas awam.

Baginda bertitah menegaskan, sama sekali tidak mengingini sebarang pegawai atau kakitangan yang sewenang-wenangnya menghabiskan masa di luar pejabat, kecuali perkara itu berkaitan dengan tugas atau lain-lain sebab yang munasabah.

Menyatakan perkara itu ketika bertitah di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj di Pusat Persidangan Antarabangsa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menegaskan, "Beta percaya hanya dengan cara ini sahaja kita akan dapat membina negara menurut sebagaimana yang dirancangan."

Baginda bertitah, sikap berpeluk tubuh dan bekerja sambil lewa mestilah diakhiri, diganti dengan kerja kuat dan merebut masa sebanyak-banyaknya.

"Inilah yang paling munasabah yang mesti diamalkan oleh negara dan bangsa. Kita yang

Lihat muka 13



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah di Majlis Sambutan Israk dan Mikraj pada 1 Februari bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa.

INTISARI TITAH

- Negara sama sekali tidak mengingini sebarang pegawai atau kakitangan yang dengan sewenang-wenang menghabiskan masa di luar pejabat kecuali yang berkaitan dengan tugas. Sikap berpeluk tubuh dan bekerja sambil lewa mestilah diakhiri, diganti dengan kerja kuat dan merebut masa sebanyak-banyaknya.
- Kehidupan ini terbahagi kepada tiga dimensi masa iaitu masa lampau yang biasanya membekalkan ingatan dan kenang-kenangan; masa sekarang pula merupakan kenyataan yang sedang dihadapi; dan masa akan datang menggegetkan harapan dan cita-cita.
- Orang-orang yang lalai mengatur masa biasanya akan berjaya dengan gemilang kerana masa juga nilainya ialah rezeki, tidak boleh dibazirkan. Membuang-buang masa dengan percuma bermakna melepaskan peluang-peluang keemasan yang semestinya digunakan untuk bekerja, membangun dan beribadat.
- Israk Mikraj telah mengilhami dan memberikan jalan kepada kita yang hidup di penghujung abad ke-20. Daripada Israk Mikraj terbit pimpinan dan disiplin yang berharga, yang belum pernah wujud sebelumnya misalnya pimpinan dan disiplin sembahyang kerana ibadat ini mengenalkan kita tentang betapa tingginya harga disiplin itu terutama dari segi menjaga dan menggunakan masa.

فتيكتيه

PETIKAN TITAH

BETA sendiri melihat, bahawa segala unsur dalam yang berkaitan dengan kesedaran rakyat mestilah ditutamakan. Ianya sangat perlu dipupuk dan diasah sehingga menjadi sikap. Kerana daripadanya kita akan mengetahui dan mengenali perkara-perkara yang baik mahupun yang sebaliknya. Sebab itu beta hendaklah menekankan tentang dakwah, muzakarah dan menyuarai teguh ditingkatkan, kerana semua ini boleh mendatangkan kebaikan dan kesedaran bagi menghayati dan mencari kebajikan sebagai yang banyak, atau jika sesuatu itu kurang elok dan tidak menguntungkan, maka akan datang idea atau pemikirannya untuk memperelok dan mengubahsuainya.

Dititahkan sempena hari keputeraan baginda yang ke-45 tahun di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman pada 15 Julai, 1991

Peristiwa Israk Mikraj beri pengajaran, disiplin berharga

Oleh

Haji Ahat Haji Ismail

kehidupan ini berlangsung dalam tiga dimensi iaitu masa yang lampau, masa sekarang dan masa yang akan datang.

Masa lampau titah baginda, biasanya akan membekalkan ingatan dan kenang-kenangan, masa sekarang pula merupakan kenyataan yang sedang dihadapi semantara masa yang akan datang mengagihkan harapan dan cita-cita.

"Jadi ketiga-tiga peringkat masa yang disebutkan ini masing-masing itu akan

Lihat muka 16

Berangkat ke Majlis Sambutan Israk Mikraj

BERAKAS, 1 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat dan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang Sekolah Agama Teladan sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Berangkat sama ialah putera sulung Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Moha-

med Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Aturcara sambutan pada pagi itu bermula dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh johan qari peringkat dewasa Awang Haji Mohd. Daud bin Abd. Kadir dan diikuti oleh syarahan khas oleh Awang Haji Mohd. Amin bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahim, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Acara kemuncak sambutan ialah mengumumkan Sekolah Agama Teladan oleh Awang Haji Kassim bin Haji Lamat, Pengarah Pengajian Islam.

Pemenang Sekolah Agama Teladan kategori 'A' bagi sekolah agama bangunan kekal ialah Sekolah Uqama

Lihat muka, 13



PELITA BRUNEI
PENERBITAN PADA HARI RABU

5 FEBRUARI 1992 BERSAMAAN

1412، شعبان 1

دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمَهَا
قَمُورُهُ دَانَ مَهَا فَيَاغْ

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM JUGA BERPERANAN MENGARAHKAN HALUAN DAN MATLAMAT ASEAN

SEBELUM Negara Brunei Darussalam menganggotai ASEAN pada awal tahun 1984 telah diadakan dua kali Sidang Kemuncak ASEAN. ASEAN ditubuhkan pada tahun 1967 berasaskan kepada Deklarasi Bangkok. Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama serta Deklarasi Persetujuan ASEAN ditandatangani pada Sidang Kemuncak Pertama di Bali, Indonesia tahun 1971.

Tahun 1976 ASEAN mengisytiharkan keinginan menjadikan Asia Tenggara sebagai Zon Aman, Bebas dan Berkecuali yang lebih dikenali sebagai ZOPFAN.

Bagi memudahkan perdagangan antara negara ASEAN maka Peraturan Keutamaan Perdagangan dirangka sebagai rupa di samping diwujudkan Skim Kecemasan Perkontesian Petroleum untuk menjamin bekalan ketika menghadapi krisis iaitu hasil dari Sidang Kemuncak Kedua di Kuala Lumpur pada tahun 1977. Manakala masalah Kemboja menjadi agenda utama dunia untuk dekad seterusnya sejak tahun 1979, tidak terkecuali penglibatan yang tidak kenal penat lelah dan putus asa yang dimainkan oleh ASEAN hingga masalah Kemboja ini dapat diselesaikan.

Sidang Kemuncak Ketiga di Manila pada tahun 1987 adalah kali pertama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku ketua kerajaan berkenan mengahdirinya di mana Deklarasi Manila meluluskan semangat perpaduan ASEAN dalam berbagai perkara termasuklah penubuhan Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun di samping menyediakan berbagai pakej meningkatkan suasana perdagangan bagi sektor swasta, juga Skim Keutamaan Tarif ditambah kira.

Perkara pokok yang diperjuangkan oleh ASEAN selama 13 tahun telah pun berakhir pada tahun 1991 iaitu keamanan di Indocina. Hal ini disentuh oleh baginda ketika berkenan mengahdiri Sidang Kemuncak Keempat di Singapura baru-baru ini dengan bertitik masalah di Kemboja sudah menunjukkan hasilnya yang memberangsangkan bagi bagaimana pun, keamanan yang diharuskan itu hanya akan benar-benar wujud setelah kestabilan di Indocina dapat dipastikan.

Kerana kestabilan dan keamanan yang berterusan di Indocina termasuklah Vietnam dan Laos boleh menjadi sebab utama atau punca ke arah peningkatan kerjasama di antara negara-negara berkenaan dengan ASEAN. Keamanan hanya dapat dicapai jika negara-negara berkenaan di Indocina benar-benar bersedia untuk melupakan permusuhan dan persaingan yang sudah-sudah serta bertekad untuk hidup berjiran secara aman.

Mengenai ekonomi pula, baginda bertitik, adalah perlu bagi ASEAN untuk mengambil inisiatif dalam langkah-langkah yang positif pada mencapai matlamat ekonomi kita sendiri secara ASEAN.

ASEAN mestilah terus diperkuatkan di samping pembangunan ekonomi yang memerlukan inisiatif-inisiatif yang cergas dalam bidang-bidang perdagangan, pelaburan dan lain-lain aspek kerjasama ASEAN bahkan meliputi hubungan ASEAN dengan rakan-rakan dialog serta negara-negara yang lebih maju.

Apa yang sangat diperlukan ialah perdagangan yang adil dan bebas bukanlah halangan-halangan atau sebarang bentuk polisi yang berat sebelah kerana dengan kekuatan ASEAN yang ada sekarang kita boleh melangkah ke hadapan dengan penuh optimis sambil bersedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan cabaran yang dibawa oleh perubahan antarabangsa secara yang menyeleruh.

Dalam pada itu negara kita juga mengalu-alukan perjanjian-perjanjian yang dicadangkan iaitu Perjanjian Kerjasama Ekonomi ASEAN dan Perjanjian Mengenai Skim Keistimewaan Tarif Kesan Sama Bagi Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN yang menggambarkan kesungguhan ASEAN dalam mewujudkan aturan-aturan perdagangan yang lebih bebas di antara negara ASEAN dengan mengambil kira pelaksanaan perjanjian-perjanjian tersebut bermaksud ke arah perkongsian perbelanjaan dan keuntungan kerana kemajuan ekonomi dan perindustrian yang dicapai oleh masing-masing negara ASEAN adalah berbeza.

Penegasan baginda mengenai perindustriannya memelihara keamanan serta menghormati hak dan kebebasan hidup berjiran tanpa mengira saiz dan kekuatan masing-masing mengukuhkan dan memantapkan lagi prinsip dan falsafah ASEAN dalam menyelesaikan masalah-masalahnya sendiri.

Yang jelas penglibatan negara kita di dalam ASEAN bukanlah semata-mata sebagai pemerhati tetapi juga berperanan aktif dan tegas di dalam memberikan nafas baru dan mengarahkan haluan dan matlamat ASEAN sebagai sebuah pertubuhan serantau yang berhibwa dan mantap.

Perjuangan, kerja keras perlu terus berjalan DEMI GENERASI DAN WARISAN KITA — titah

Assalamu 'Alaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULILLAH
Rabbil 'Aalameen,
Wassalatu Wassalamu 'Alaa
Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa 'Alaa
Aalihie Wasahbihiie Aj-
ma'een, Waba'du.

Beta mengucapkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurnia-Nya jua dapatlah kita sekali lagi mengadakan sambutan Israk dan Mikraj yang bersejarah ini.

Jika diteliti bagaimana kehidupan ini berlangsung, maka ianya bolehlah kita bahagikan kepada tiga dimensi masa, iaitu masa yang lampau, masa sekarang dan masa akan datang. Masa lampau biasanya akan membekalkan ingatan dan kenang-kenangan; masa sekarang pula merupakan kenyataan yang sedang dihadapi; sementara masa yang akan datang mengagihkan harapan dan cita-cita.

Jadi ketiga-tiga peringkat masa yang disebutkan ini, masing-masing itu akan memberikan kita pedoman, apa yang perlu diingat dan sekaligus apa pula yang perlu dibuat menurut keutamaan.

Semua yang sudah dan sedang berlaku, dan juga yang akan berlaku, masing-masing itu membawa unsur tersendiri yang menghendaki penilaian kita. Jika yang telah berlaku itu terdapat unsur kebajikan di dalamnya, maka kewajipan kita ialah menjadikannya contoh dan ikutan. Dan begitu juga yang sedang berlaku adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempertahankan dan mengekalkan segala unsur kebaikan yang ada, di samping berusaha terus pada mengikis segala keburukkan yang tidak mendatangkan apa-apa faedah. Kemudian akhir sekali, iaitu yang akan berlaku, adalah memerlukan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Majlis Sambutan Israk dan Mikraj tahun 1412 Hijrah/1992 Masihi, pada 27 Rajab 1412, bersamaan dengan 1 Februari, 1992. Bertempat di Dewan Persidangan Antarabangsa Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam.

penumpuan dan perjuangan kita untuk masa depan, di mana hasilnya nanti akan diterima kemudian. Cuma sahaja soalnya: Adakah kita juga akan sempat menikmatinya ataupun tidak? Tetapi bagaimanapun, jika kita orang yang budiman, maka sudah barang tentu perjuangan dan kerja keras kita akan terus berjalan, dengan tidak mengenal titik berhenti, iaitu demi generasi dan warisan kita yang akan datang.

Begitulah yang dapat kita simpulkan mengenai teladan dan pengajaran yang dipancarkan oleh masa, iaitu seperti peristiwa Israk dan Mikraj yang sedang kita rayakan ini. Ianya telah mengilhami dan memberikan jalan kepada kita yang hidup di penghujung abad ke 20 ini. Israk dan Mikraj telah berlaku kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tetapi isi pengajarannya sampai sekarang masih kita ikut, dan masih kita contohi.

Tegasnya, Israk dan Mikraj adalah merupakan masa lampau yang tidak lapok dan tidak luntur. Daripadanya terbit pimpinan dan disiplin yang berharga, yang belum pernah wujud sebelumnya.

Di antara pimpinan dan disiplin yang diambil dari peristiwa ini, ialah pimpinan dan disiplin sembahyang. Ibadat ini telah mengenalkan kepada kita tentang betapa tingginya harga disiplin itu, terutama dari segi menjaga dan menggunakan masa. Ibadat sembahyang telah menggariskan waktu-waktu tertentu untuk kita melakukannya, dalam makna, ukuran masa di sini adalah yang paling mustahak dan diutamakan.

Masa juga nilainya ialah rezeki, tidak boleh dibazirkan. Membuang-buang masa dengan percuma bermakna melepaskan peluang-peluang keemasan yang semestinya kita gunakan untuk bekerja, membangun dan beribadat. Kerana itulah, orang-orang yang tahu mengatur masa,

OLEH itu dalam hubungan ini, patutlah kita, khasnya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta akan dapat mengambil inisiatif masing-masing pada meluruskan penggunaan masa dalam apa juga kegiatan, istimewa yang berkaitan dengan tugas-tugas awam yang sedang dipikulkan kepada mereka.

biasanya akan berjaya dengan gemilang, sementara mereka yang gagal berbuat demikian akan kecewa dan menyesal.

Oleh itu dalam hubungan ini, patutlah kita, khasnya pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan beta akan dapat mengambil inisiatif masing-masing pada meluruskan penggunaan masa dalam apa juga kegiatan, istimewa yang berkaitan dengan tugas-tugas awam yang sedang dipikulkan kepada mereka.

Kita sama sekali tidak mengingini sebarang pegawai atau kakitangan, yang dengan sewenang-wenang menghabiskan masa di luar pejabat, kecuailah perkara itu berkaitan dengan tugas atau lain-lain sebab yang munasabah. Beta percaya, hanya dengan cara ini sahaja kita akan dapat membina negara menurut sebagaimana yang dirancang. Sikap berpeluk tubuh dan bekerja secara sambil lewa mestilah diakhiri, diganti dengan kerja kuat dan merebut masa sebanyak-banyaknya.

Inilah yang paling munasabah yang mesti diamalkan oleh negara dan bangsa kita yang sedang membangun. Insha-Allah jalan akan terbuka luas dan kejayaan datang menyusul apabila kita semua, dengan serentak bangun membawa sikap dan semangat yang besar ini.

Sekian sahaja. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

KITA sama sekali tidak mengingini sebarang pegawai atau kakitangan, yang dengan sewenang-wenang menghabiskan masa di luar pejabat, kecuailah perkara itu berkaitan dengan tugas atau lain-lain sebab yang munasabah. Beta percaya, hanya dengan cara ini sahaja kita akan dapat membina negara menurut sebagaimana yang dirancang. Sikap berpeluk tubuh dan bekerja secara sambil lewa mestilah diakhiri, diganti dengan kerja kuat dan merebut masa sebanyak-banyaknya.

"25 TAHUN" KEKAL QARAL MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

MATLAMAT utama perkembangan pertanian Negara Brunei Darussalam ialah penghasilan barang-barang makanan yang mencukupi bagi penduduknya.

Aspirasinya ini adalah asas rancangan yang utama di mana sebahagian besar budget pembangunan pertanian telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek penghasilan makanan.

Dalam pada itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus memberi pelbagai bantuan kepada rakyat dan penduduk negara tercinta ini bagi meningkatkan minat berladang. Malah pelaksanaan pelbagai bantuan ini adalah teras perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan Pertanian.

Dalam usaha negara untuk membekalkan makanan yang mencukupi maka beberapa skim telah diperkenalkan misalnya Skim Penanaman Padi di Wasan.

Skim Penanaman Padi di Wasan ini bermula pada tahun 1978 bila kerja infrastrukturnya dan penyediaan plot-plot telah dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Seluas 1,000 ekar telah dibersihkan di mana 700 ekar daripadanya diberikan sistem pengaliran dan tali air. Skim ini menggunakan benih padi yang begitu popular di kalangan anak-anak tempatan yang dipanggil 'Disobok'. Padi dari tempat ini dikisar atau diproses di Kisanan Padi Jerudong dengan kapasiti kisanan satu tan sejam.

DIUSAHAKAN

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menyampaikan hadiah Perandingan Membaca Kitab Suci Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Lagun Masjid Omar Ali Saifuddin pada 30 September, 1972 antara lain bertitah :

"Brunei masih mempunyai tanah yang luas yang belum diteroka atau belum diusahakan, maka tanah-tanah yang sedemikian adalah mustahak dikerjakan dan diusahakan dengan giatnya untuk dijadikan sumber rezeki bukan sahaja untuk atau sebagai bidang untuk mencari pekerjaan kepada tenaga-tenaga muda yang telah meninggalkan bangku sekolah atau yang akan meninggalkan bangku

OLEH MOHD. SALLEH
ABDUL LATIF

sekolah bahkan ia juga boleh memberikan sumbangan ekonomi negeri ini dengan pengeluaran hasil-hasilnya bagi menampung atau memenuhi kehendak dan keperluan kita untuk menambahkan hasil mahsul, menambahkan usaha kebajikan laila manfaat dan menambahkan laila indah menitikberatkan



penduduk yang benar-benar berkecenderungan dan mahu berusaha dalam bidang pertanian dan ternakan sebagai sumber rezeki mereka.

Mengenai bantuan pula, pihak kerajaan telah memperuntukkan lebih satu juta ringgit setiap tahun bagi membantu masalah-masalah pertanian yang dihadapi oleh peladang-peladang kita.

Antara bantuan-bantuan yang diberikan itu ialah benih padi, baja yang dijual 50 peratus lebih rendah dari harga pasaran, racun rumput yang dibantu 50 peratus, dan lain-lain di samping mendapat kemudahan pinjaman kewangan dari Lembaga Kemajuan Ekonomi terhadap peladang-peladang yang sangat berminat menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan berbentuk komersil.

Skim Peladang Muda telah diperkenalkan bagi mengatasi masalah peladang sepenuh masa. Dalam hal ini dua kawasan projek telah diwujudkan sepanjang tahun 1984/1985, kawasan itu ialah Luahan dan Birau.

Kawasan yang diteroka oleh peladang muda ialah seluas 714 ekar dengan 52 orang peserta. Peladang muda ini telah diberi latihan asas teknik berladang selama dua tahun di Pusat Latihan Pertanian Sinaut, ini termasuklah cara-cara berternak.

"Pegawai-pegawai atau pihak-pihak yang berkenaan di tiap jabatan kerajaan beta yang berkenaan temuilah rakyat di kampung-kampung dan pedalaman, berilah mereka nasihat, tunjuklah kepada mereka cara bertani atau berkebun-kebunan. Pertemuan yang sedemikian yang selalu diadakan dipercayai boleh memberi sumbangan ke arah kemajuan-kemajuan di bidang pertanian dan ternakan sebagaimana yang dicita-citakan."

Dalam waktu yang sama baginda juga menekankan, Negara Brunei Darussalam mempunyai pegawai-pegawai yang berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang pertanian dan ternakan.

Kebolehan-kebolehan dan pengalaman-pengalaman mereka itu disediakan bagi berkhidmat kepada rakyat dan

Kawasan yang diteroka oleh peladang muda ialah seluas 714 ekar dengan 52 orang peserta. Peladang muda ini telah diberi latihan asas teknik berladang selama dua tahun di Pusat Latihan Pertanian Sinaut, ini termasuklah cara-cara berternak.

Menurut buku Brunei Darussalam 1989 yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan menunjukkan sektor ternakan menjadi tumpuan peladang kita kerana kapasiti pendapatan yang begitu besar.

Daging ayam dan telur dianggarkan menghasilkan 6,441 tan dengan nilai harga \$29 juta, atau 45 peratus dari jumlah penghasilan nasional.

Pada tahun 1989 negara kita telah menghasilkan 90 peratus telur ayam, 56 peratus daging ayam, dan 60 peratus keperluan sayur bagi rakyat dan penduduk itu iaitu suatu pencapaian yang boleh dibanggakan bagi memenuhi matlamat ke arah penghasilan barangan makanan yang mencukupi bagi penduduknya.

Tanah yang luas mustahak diusahakan

usaha rajin untuk negeri kita Brunei Darussalam yang mana rakyat negeri akan menikmatinya."

Pada tahun 1968/1969 seluas 9,022 ekar telah ditanami dengan padi di merata-rata tempat yang bersesuaian di seluruh negara. Dari keluasan ini dapat menghasilkan kira-kira 6,675 tan.

Manakala tahun 1972/1973 cuma seluas 6,232 ekar ditanami padi dengan penghasilan 6,019 tan. Kemudian pada tahun 1973/1974 keluasan tanaman padi di negara kita ialah 8,309 ekar dengan penghasilan 9,612 tan.

Meskipun keluasan tanaman padi sepanjang tahun 1973/1974 berkurangan berbanding dengan keluasan tanaman padi sepanjang tahun 1968/1969 tetapi hasil yang didapati lebih meningkat.

Ini mungkin berpunca dari pemedulian pihak kerajaan dengan memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang

sempurna kepada peladang-peladang atau pesawah-pesawah kita di samping meningkatnya pemberian subsidi seperti racun-racun tanaman, baja yang bermutu dan sebagainya.

PERTEMUAN DI KAMPUNG

Pada 30 September 1972 di majlis itu baginda bertitah dengan menyeru pegawai-pegawai di Jabatan Pertanian agar

KELUASAN TANAMAN PADI DAN PENGHASILAN

Tahun	Ekar	Penghasilan tan
1968/69	9,022	6,675
1969/70	8,539	6,679
1970/71	6,755	4,312
1971/72	6,111	tidak diketahui
1972/73	6,232	6,019
1973/74	8,309	9,612
1974/75	8,985	9,726
1975/76	9,092	7,116
1976/77	7,001	4,192
1977/78	5,954	3,775
1978/79	5,241	4,542

(Data ini diperolehi dari Buku Perangkaan Tahunan Brunei 1979/1980 yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi)

Kebawah DYMM berangkat hadiri Sidang Pleno

Oleh
Dk. Saldah POA

SINGAPURA, 27 Januari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat untuk menghadiri Sidang Pleno di Hotel Marina Mandarin di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sana telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar

Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Juga hadir di majlis itu ialah Ketua-ketua Kerajaan Negara-negara ASEAN, para Menteri Luar dan Ekonomi ASEAN.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam disambatkan kepada pegawai-pegawai kanan Kerajaan Republik Singapura yang mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda dan Duli Yang Teramat Mulia sambil diiringi oleh Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura dan isteri beliau serta beberapa orang pegawai kanan yang lainnya. — Gambar oleh Pg. Bahar bin Pg. Haji Omar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berangkat pulang dari menghadiri Sidang Kemuncak Keempat di Republik Singapura.

Berangkat melawat Taman Bunga Anggerik

SINGAPURA, 28 Januari. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat bersama para isteri Ketua-ketua Kerajaan ASEAN dan isteri-isteri para Menteri Hal Ehwal Luar dan Ekonomi ASEAN ke Taman Bunga Anggerik di Botanic Gardens di sini.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan rombongan telah dijunjung dan dialu-alukan oleh isteri Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Goh Chok Tong dan Pengarah Eksekutif Lembaga Taman Kebangsaan, Dr. Tan Wee Kiat serta beberapa orang pegawai kanan lainnya.

Di sana Duli Yang Teramat Mulia telah berangkat menyaksikan sekitar taman itu bersama para isteri Ketua-ketua Kerajaan ASEAN dan isteri-isteri Menteri Hal Ehwal Luar dan Ekonomi ASEAN yang lain.

Dalam lawatan itu, Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan telah berkenan memilih seponon bunga anggerik yang telah dicantumkan (dikahwinkan) untuk diberikan nama 'Asean Lady' sempena lawatan Duli Yang Teramat Mulia ke sana.

Bunga anggerik 'Asean Lady' merupakan cantuman bunga anggerik Dendrobium Garnet Beauty dengan Dendrobium Phalaenopsis 'Bi color' yang menghasilkan bunga berwarna ungu.

Di masa yang sama dua jenis bunga anggerik yang lain juga telah dipilih untuk diberikan nama iaitu 'Asean beauty' dan 'Asean Princess'. Asean Beauty merupakan cantuman bunga anggerik Dendrobium Garnet Beauty dengan Dendrobium Ping Lips yang menghasilkan bunga berwarna coklat, manakala Asean Princess pula adalah cantuman bunga anggerik Fich's Blue dengan Den Pinks Lips SBQ yang menghasilkan bunga berwarna ungu.

Sebelum berangkat meninggalkan taman itu, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan rombongan telah berkenan menandatangani buku lawatan dan seterusnya berkenan menerima sejabang bunga anggerik dan hadiah cenderamata daripada Lembaga Taman Kebangsaan tersebut.

Dari sana Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam meneruskan lawatan ke Perkampungan Dinasti Tang bersama para isteri Ketua-ketua Kerajaan ASEAN dan isteri-isteri para Menteri Hal Ehwal Luar dan Ekonomi ASEAN.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dan rombongan di sana telah dijunjung dan dialu-alukan oleh Pengarah Urusan Perkampungan Dinasti Tang, Awang Dennis Chiu dan isteri serta pegawai-pegawai kanan Perkam-

pungan Dinasti Tang.

Sebelum mengadakan lawatan di sekitar kawasan Perkampungan Dinasti Tang, Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan telah mendengar penerangan ringkas mengenai hal ehwal sekitar perkampungan itu dari Awang Dennis Chiu di salah sebuah ruang khas.

Dari sana Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan kemudian dibawa melawat ke beberapa tempat di sekitar kawasan perkampungan itu seperti deretan kedai di Silk Road, Dewan Seribu Jenis Hiburan dan Tea House dan seterusnya menyaksikan beberapa pertunjukan perbarisan perayaan dan demonstrasi wayang gambar dari studio 3.

Perkampungan Dinasti Tang merupakan kawasan yang memaparkan sejarah dan kebudayaan ibu kota Chang An, kurun ketujuh China Tang yang terbes di Asia. Kawasan perkam-

puteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong dan isteri beliau serta beberapa orang pegawai kanan yang lainnya.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Juga hadir ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia

Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunos dan Datin serta Setiausaha Setiausaha Tetap di Jabatan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Baginda dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Republik Singapura kira-kira 12.00 tengah hari.

Keberangkatan tiba baginda dan Duli Yang Teramat Mulia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dijunjung oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail.

Juga berangkat pulang bersama-sama baginda ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

SIDANG KEMUNCAK ASEAN KEEMPAT DI REPUBLIK SINGAPURA



GAMBAR-GAMBAR ini merakamkan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Istari Hajjah Mariam di Republik Singapura pada 29 Januari, 1992 bagi menghadiri Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan ASEAN Keempat. Di sebelah petangnya baginda telah berkenan menerima mengadap beberapa orang Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di tempat persemayaman baginda di Oriental Hotel.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima barisan kehormatan sejurus berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Republik Singapura untuk menghadiri Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN Keempat.

Gambar-gambar oleh Pg. Bahar PHO dan Amat Moksini

YANG pertama diperkenalkan mengadap ke hadapan majlis baginda ialah Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong. Dalam gambar kelihatan kedua pemimpin sedang membincangkan sesuatu.



BAGINDA dan Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Republik Singapura yang turut mengalu-alukan keberangkatan tiba baginda dan rombongan diraja di bilik orang-orang kenamaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, sambil dilirngi oleh Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunus.

BAGINDA sedang menerima mengadap Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Tuan Anand Panyarachun.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino, Presiden Republik Filipina. Juga hadir di istiadat itu ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa.

PERDANA Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad juga berkesempatan mengadap ke hadapan majlis baginda di sebelah petang di hari keberangkatan tersebut. Juga berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . Siri ke-625

MASALAH ANAK DARA MAHU CAMPUR GAUL DENGAN LAKI-LAKI

Soal : Adakah seorang perempuan yang dara dan masih bujang di zaman moden ini dimestikan mencari jodoh. Kata orang kalau di dalam rumah saja jodoh itu tidak akan datang padahal di dalam Islam melarang pergaulan bebas lelaki dan perempuan, harap ustaz jelas.

Jawab : Orang-orang yang menggalakkan campur gaul bebas di antara laki-laki dan perempuan, dan mereka berkata supaya membiarkan dapat mengerti bagaimana berhimpun, dan supaya mengubat jiwa dan lain-lain alasan mereka pada mengharuskan campur gaul bebas itu. Adalah mereka orang-orang yang bodoh dalam perkara tabiat manusia, mereka bodoh dalam perkara yang sudah berlaku yang membawa padah pada pergaulan hidup manusia itu. Mereka berbuat bohong pada agama, pada boleh berhimpun dan bergaul itu.

Nas Quran dan hadis yang banyak itu menolak sangkaan mereka.

Sebab mereka jahilkan akan tabiat manusia, kerana ketika Allah Taala jadikan laki-laki dan perempuan itu, maka Allah Taala lengkapkan dengan sifat-sifat cinta birahi di antara satu dengan yang lain itu.

Firman Allah Taala dalam Surah Ar-Ruum ayat 30 yang tafsirnya:

"Itulah kejadian Allah yang telah Allah jadikan manusia begitu, maka tiadalah dapat diubah kejadian Allah itu."

Adakah penyeru-penyeru campur gaul bebas dan terdedah itu hendak mengubah perjalanan hidup manusia dalam dunia itu, apatah lagi bila tiap-tiap laki-laki dan perempuan dalam campur gaul itu laparkan jantina dan runtuh budi bicaranya. Maka tentulah fitnah itu lebih-lebih mendalam, dan runtuh nafsu jahat itu lebih mendorong dan meronta-ronta.

Adakah mereka lupakan perkara-perkara pahit yang berlaku di dalam pergaulan manusia di Barat dan di Timur itu?

Dalam perkara mencuba campur gaul bebas dan terdedah itu dikemukakan pada masyarakat manusia?

Hendaklah mereka tanya masyarakat negeri-negeri Barat dan Timur dalam perkara kerosakan kelakuan perempuan dan lucah, di dalam segala lapisan di jalan-jalan, di sekolah, di kedai, di pejabat, di universiti, di kebun-kebun bunga, di tempat-tempat peranginan dan di mana-mana sahaja dalam persiaran, dalam sukan itu?

Sila baca dalam Kitabl Islami Wassalaamil 'Alamie oleh Al-Syaid Syed Qutub dan Kitab Tarbiyatul Awwalad Fil Islam oleh Abdullah Nassihah 'Ulwani Rahimahullahu Taala, iaitu sebaik-baik, kitab dalam tabligh dan pemimpin dan pendidikan anak-anak Islam dengan cara amal yang berpanjangan dengan nas-nas dan keterangan-keterangan kitab-kitab ini telah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu untuk Penggal I dan yang kedua sedang ditunggu.

PELAN-PELAN DAN ZIONIS YAHUDI ANTARABANGSA DAN MADZHAB-MADZHAB KEBENDAAN DAN PENYERU-PENYERU LUCAH

Adalah penjajahan dan Zionis dan penyeru-penyeru madzhab kebendaan dan penyeru-penyeru lucah dan lacur sengahaja hendak merosakkan orang Islam dan meruntuhkan nilai-nilai sifat yang mulia, dan melemahkan fikiran-fikiran dan nilai-nilai agama di antara pemuda-pemuda Islam dan pemudi-pemudi Islam.

Maka perempuan Islam itu maka mereka ialah mula-mula matlamat ditujukan pada berbuat lucah dan lacur itu, kerana dari jalan perempuan itu mudah dilakukan cara-cara penyeru pada kebiasaan campur gaul dan dengan itu dapat jarum penjajahan meneruskan pelan-pelan menjajah umat Islam. Kerana perempuan itu suatu unsur yang lemah dan mudah ditipu dan dibagikan.

Sila dengar kata seorang jaguh penjajah: "Gelas (arak) penyanji (perempuan), kedua-duanya bekerja pada menghancurkan umat Islam, lebih berkesan dari satu ribu mun-



YANG Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Izzat bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

cung bedil senjata meriam. Maka hendaklah kamu lailakan mereka pada cintakan kebendaan dan cinta birahi itu."

Berkata seorang jaguh Masun Masunih yang celupar: Wajib di atas kita orang-orang Yahudi menawan hati perempuan, bila-bila masa perempuan itu bersimpang dengan kita, maka kita orang Yahudi akan dapat pada melakukan perkara yang haram dan ketika itu kumpulan-kumpulan yang menyokong agama itu akan bertaburan dan hancur lebur.

Tersebut dalam buku: Protokol Pendeta-Pendeta Zionis berbunyi:

Wajib di atas kita orang-orang Yahudi bekerja meruntuhkan perangai-perangai yang mulia di mana-mana tempat dan negeri, supaya mudah bagi kita menguasai negeri-negeri itu (seperti di Amerika terutama di New York, dahulu di Jerman masa pemerintahan Hitler).

Adalah Freud Sigmund (Ahli Saikologi) orang kita dari bangsa Yahudi, sentiasalah ia di dalam teorinya dalam saikologi (yang dibaca oleh bakal-bakal guru di sekolah-sekolah guru) itu dibentang dan disyarahkan dengan seterang-terangnya sebagai cahaya matahari menyinar, supaya tiada suatu pun hubungan seks jantina terlindung dari pandangan pemuda pemudi (bakal-bakal guru), dan jantina itu bukanlah suatu perkara yang suci dihormati, supaya sentiasa ada dalam fikiran pemuda dan pemudi (bakal-bakal guru) itu dan pemikiran mereka bertumpu pada setiap masa pada melepaskan ingin birahi yang ada pada diri mereka. Ketika itu runtuhlah budi pekerti dan perangai yang mulia itu daripada pemuda dan pemudi (bakal pemimpin negara dan umat Islam).

WALLAHU A'ALAM
(Bersambung)

Menuju Keredaan Allah
KELOLAAN PUSAT DA'WAH ISLAMIAH

Kelebihan sembahyang berjemaah

UBAIDULLAH ibni Umar Al-Qawasyri pernah menceritakan bahawa beliau tak pernah luput dari sembahyang berjemaah. Pada suatu malam, beliau telah luput sembahyang Isyak berjemaah di masjid disebabkan ada tamu yang datang. Lantaran itu, beliau pun pergi ke beberapa buah Masjid. Kalau-kalau di masjid-masjid tersebut belum mendirikan sembahyang Isyak berjemaah.

Tetapi, semua masjid yang didatangnya itu telah pun selesai mengerjakan sembahyang Isyak berjemaah.

Dengan perasaan hampa, beliau pun kembali ke rumah dan terus mengerjakan sembahyang Isyak bersendirian menurut riwayat beliau telah melakukan sembahyang dua puluh tujuh kali.

Ini dilakukannya dengan maksud hendak memperoleh pahala sembahyang berjemaah

yang telah terluput, sebagaimana hadis Nabi menerangkan bahawa sembahyang berjemaah melebihi sembahyang sendirian dengan dua puluh tujuh darjat.

Selesai menyempurnakan sembahyang Isyak, maka beliau pun tidur. Dalam masa tidur itu, beliau telah bermimpi menunggang kuda yang berjalan di belakang sekumpulan manusia yang mengenderai

unta. Ku cuba sedaya upaya untuk mengejar mereka, namun usahaku itu sia-sia belaka.

Dalam pada itu, salah seorang daripada penunggang-penunggang unta dihadapanku itu, berpaling kepadaku seraya berkata: "Tuan tak dapat menyertai kami, tak usha tuan mengejar kami." Mendengar itu aku pun bertanya: "Mengapakah aku

tak dapat menyertai tuan?" Orang itu menjawab: "Kami telah sembahyang Isyak berjemaah sedangkan tuan sembahyang Isyak sendirian." Mendengar penjelasan itu aku pun terkejut... hatiku berasa gundah.

Bercakap mengenai sembahyang berjemaah ini, telah sepatutnya ulamak bahawa: Mendirikan sembahyang berjemaah di masjid itu adalah setinggi-tinggi taat, seteguh-teguh ibadat dan sebesar-besar syiar Islam.

Agama Islam, menuntut kita supaya sentiasa memakmurkan masjid dan seterusnya berjemaah di masjid pada tiap-tiap waktu sembahyang, pada tiap-tiap minggu di hari Jumaat dan di kedua hari raya adalah bertujuan supaya kita kenal-mengenal antara satu dengan yang lain, di mana dengannya perhubungan antara seorang itu akan menjadi lebih erat dan sejati.

Kerana itu, hendaklah kita berlumba-lumba kepada menegakkan jemaah; jangan sekali-kali kita tinggalkan kecuali kerana keuzuran yang benar-benar uzur.

MEMELUK AGAMA ISLAM

PULAIE, 5 Januari. — Dua lagi perempuan Dusun telah memeluk agama Islam dalam satu majlis yang berlangsung di Kampung Jerudong minggu lalu.

Dayang Zahene binti Limun, 25 tahun dan adiknya Dayang Zaimat binti Limun, 22 tahun masing-masing kini dikenali sebagai Dayang Nurul Asyikin dan Dayang Mariyana binti Abdullah Limun setelah melafazkan ikrar Islam mereka di hadapan pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Manakala pada 31 Disember sebelumnya, seorang lelaki berbangsa Dusun juga telah memeluk agama Islam bertempat di Head Quarters, Polis, Gadong. Awang Jafri bin Tabib, 25 tahun telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abdul Kadir Leong bin Abdullah, pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah dan kini dikenali sebagai Awang Muhammad Sayful Islam bin Abdullah.

Sementara itu di Daerah Tutong, juga telah berlangsung beberapa

majlis pengislaman sejak bulan Disember lalu.

Pada 27 Disember, bertempat di Kampung Bukit Udai, berlangsung satu majlis pengislaman bagi sepasang suami isteri yang berbangsa Dusun.

Awang Pangan bin Runtop, 68 tahun memilih nama Islamnya sebagai Awang Abdul Rahman bin Abdullah. Manakala isterinya, Dayang Kasip binti Bungkok, 62 tahun sebagai Dayang Nur Habibah binti Abdullah. Kedua-duanya telah melafazkan ikrar Islam mereka di hadapan pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah. Mereka juga telah menerima cenderamata dari tetamu kehormat, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Abdul Kadir, Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Pada tarikh yang sama juga, seorang lagi perempuan Dusun telah memeluk agama Islam di Kampung Bukit Sulang. Dayang Catarina binti Melingau, 24 tahun melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Siti Masnoyah

binti Haji Besar, pegawai dari Pejabat Ugama Daerah Tutong dan kini dikenali sebagai Dayang Nur Ahlina binti Abdullah Melingau.

Manakala pada 31 Disember pula, bertempat di Balai Raya Kampung Binutan berlangsung lagi satu majlis pengislaman bagi sekeluarga Iban.

Awang Sapi anak Pantau, 56 tahun telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Abd. Samad bin Abdullah dan Dayang anak Lila, 59 tahun sebagai Dayang Siti Khadijah binti Abdullah. Sementara Awang Aji anak Ankin, 53 tahun dan Awang Richard anak Karian, 6 tahun masing-masing kini dikenali sebagai Awang Abd. Latif bin Abdullah dan Awang Mohd. Alif bin Abdullah. Mereka melafazkan ikrar Islam mereka di hadapan pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah. Mereka juga telah menerima cenderamata dari tetamu kehormat, Awang Haji Mohd. Amin bin PDDP. Dato Paduka Haji Abd. Rahim, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.



AWANG Abd. Latif bin Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Ali Hassan bin Mohd. Said, pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam. Awang Abd. Latif telah memeluk agama Islam bersama keluarganya pada akhir tahun lepas.

Israk dan Mikraj penuh keberkatan

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Allah Subhanahu Wataala ada berfirman di dalam Al-Quran di dalam Surah Al-Israk ayat 1 yang kira-kira tafsirannya:

"Maha Suci Allah telah menjalankan hamba-Nya pada waktu malam daripada Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang Allah berkatkan pada malam tersebut semata-mata untuk memperlihatkan kekuasaan-Nya. Sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar dan Maha Melihat."

Ayat yang baru dibacakan menjelaskan bahawa peristiwa Israk Mikraj bukanlah satu cerita dongeng yang senhaja direka-reka atau diada-adakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, sebaliknya Allah sendiri telah menerangkan tentang betulnya peristiwa itu telah berlaku kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Allah mengadakan peristiwa ini dengan mengaturkan acara berjalan malam dan mengembara ke langit tanpa dirancang oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada 27 Rejab bersamaan tahun 620 Masihi iaitu setahun sebelum hijrah.

Allah senhaja memilih waktu malam dan tidak waktu siang. Kemudian Allah memilih tempat yang teristimewa sebagai tempat berlakunya peristiwa ini iaitu dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa di mana kedua-dua masjid ini adalah rumah Allah yang paling tinggi tarafnya daripada tempat-tempat lain. Allah juga memilih masa satu tahun sebelum hijrah.

Kemudiannya kesemua faktor-faktor ini mempunyai hikmah-hikmatnya yang tersendiri yang tidak dapat difahami dengan tepat oleh siapa juga manusia di dunia ini.

Kita tidak sepatutnya menolak peristiwa ini atau tidak mempercayainya dengan menggunakan logik dan fikiran kita semata-mata kerana peristiwa Israk dan Mikraj ini adalah di antara salah satu mukjizat yang diberikan oleh Allah kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai bukti tentang kebenaran risalah yang disampaikan oleh Baginda.

Kalaupun rasul-rasul yang sebelumnya iaitu Nabi Allah Musa dan Isa Alaihimassalam boleh mendengar atau bercakap-cakap dengan Allah tetapi di dalam peristiwa Israk, Rasulullah diberikan kelebihan boleh bertemu dengan Allah.

Apabila disebut mukjizat, bererti peristiwa ini adalah suatu perkara yang luar biasa.

Banyak peristiwa-peristiwa yang seperti ini berlaku pada diri Rasulullah dan rasul-rasul yang lain sehinggalah wujud di kalangan masyarakat Islam di zaman itu keluar dari agama Islam (murtad) dan menolak kebenaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebab itulah di dalam ayat yang saya bacakan tadi jelas

diterangkan oleh Allah Subhanahu Wataala bahawa Allah mengurniakan malam Israk dan Mikraj ini penuh dengan keberkatan dan dengan tujuannya untuk memperlihatkan kekuasaan-Nya dan sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar dan Maha Melihat.

Dengan keberkatan Allah sahaja Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam boleh berjalan sedemikian rupa dan naik ke langit hingga ke Sidratul Muntaha dan tanpa adanya kekuasaan Allah peristiwa seperti itu tidak mungkin berlaku.

Hatta pada zaman kemajuan sains dan teknologi ini pun manusia hanya sedar boleh sampai ke bulan iaitu hanya terletak di lapisan langit yang terdekat sekali iaitu lapisan langit yang pertama, sedangkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam berjaya meneroka ke lapisan langit ke tujuh iaitu lapisan yang paling tinggi.

Peristiwa Israk dan Mikraj ini berlaku setelah beberapa tahun Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebarkan agama Islam kepada masyarakat Arab jahiliyah dan pengikut-pengikut Rasulullah atau umat Islam pada ketika itu kian bertambah dari masa ke semasa.


Walaupun kemajuan ini suatu perkara yang mengembirakan, akan tetapi Allah yang Maha Suci lebih arif Maha Mendengar dan Maha Melihat, Allah dengan pendengarannya sahaja sudah cukup untuk mengetahui keadaan-keadaan hamba-Nya walaupun perkara itu di luar penglihatan manusia dan apa lagi sekiranya perkara itu jelas dapat dilihat maka sudah pasti Allah lebih awal mengetahuinya.

Allah tahu bukan semua iman umat Islam pada ketika itu cukup kuat dan betul-betul kukuh. Lanya belum pernah diuji dan dicabar untuk membuktikan sejauh mana kepercayaan terhadap Rasulullah dan agama Islam yang disampaikan itu.

Untuk tujuan inilah Allah Subhanahu Wataala mengadakan peristiwa Israk dan Mikraj supaya Allah dapat memperlihatkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, golongan manakah yang benar-benar kuat dan manakah yang masih lemah imannya.

Dengan cara Rasulullah menceritakan peristiwa berjalan di darat dan mengembara ke angkasa lepas yang beratus-ratus ribu batu berlaku dalam masa semalam sudah cukup untuk menggoncang iman-iman mereka yang lemah.

Sebaliknya peristiwa yang luar biasa ini pula akan mengukur sejauh mana tebal dan bertambah kuat iman



seorang mukmin dan muslim itu kepada agama Islam yang dianuti apabila ia berkeyakinan penuh peristiwa-peristiwa yang berlaku di luar keupayaan fikiran manusia ini.

Dari kenyataan ini kita boleh membuat kesimpulan bahawa kita sebagai umat Islam seharusnya cuba mengukur iman kita sendiri dengan berpandukan kepada kepercayaan kita kepada peristiwa yang luar biasa yang diceritakan oleh Al-Quran dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Kalau kita masih ragu, tidak takut kepada wujudnya hari akhirat, seksaan kubur, seksaan api neraka, tidak percaya kepada wujudnya syurga, tidak percaya kepada kado dan kadar, tidak percaya kepada malaikat, tidak percaya kepada Al-Quran itu suatu undang-undang dan panduan yang diturunkan oleh Allah dan bukan ciptaan Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam, maka selagi itulah keimanan kita masih boleh dipersoalkan. Lanya pasti masih lemah dan kita seharusnya berusaha untuk memperkuatkan lagi iman kita mengikut cara-cara yang telah ditetapkan oleh Islam.

Kalau kita lihat jalan peristiwa Israk dan Mikraj itu diceritakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan segala perkara yang berlaku pada malam tersebut, jelas bahawa malam Israk dan Mikraj itu sememangnya penuh dengan hikmah-hikmah dan memberi kesan yang baik kepada perkembangan Islam itu sendiri.

Bahkan peristiwa-peristiwa yang berlaku di malam tersebut juga telah memberikan keimanan, pengajaran, ingatan dan ajaran kepada manusia supaya kembali semula ke jalan Allah dan meninggalkan perbuatan-perbuatan yang

dikeji dan diharamkan oleh Islam.

Di antara iktibar yang boleh diambil dari peristiwa-peristiwa yang berlaku yang dilihat sendiri oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam atau dialami oleh Baginda bolehlah diringkas seperti berikut:

1. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diisrakkan dan dimikrajkan pada malam tersebut ialah untuk ditemukan Baginda dengan Allah Subhanahu Wataala.
2. Pertemuan Rasulullah yang diundang khas oleh Allah Subhanahu Wataala itu adalah semata-mata untuk menyampaikan perintah ibadat sembahyang lima waktu.
3. Ibadat sembahyang adalah ibadat yang paling tinggi tarafnya, tinggi gajarnya.
4. Ibadat sembahyang adalah sebagai kemuncak atau asas di dalam membentuk peribadi Muslim supaya ianya sentiasa mengamalkan dengan yang makruf dan meninggalkan segala yang mungkar.
5. Di antara kesalahan besar yang dilakukan oleh manusia ialah:

1. Melakukan perbuatan zina walaupun ia telah bersuami atau beristeri.
2. Memakan makanan dan meminum minuman yang haram.
3. Memakan riba dan harta anak-anak yatim.
4. Mengumpat, menabur fitnah dan suka menjaga tepi kain orang lain.
5. Suka membuat janji tetapi tidak menunaikannya, suka berebut-rebut untuk memegang suatu jawatan dan tanggungjawab sedangkan dirinya tidak

berkelayakan dan tidak berdaya melaksanakannya.

6. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah lebih tinggi kedudukan Baginda daripada rasul-rasul yang lain.

7. Adanya bahaya yang akan dihadapi oleh umat-umat Baginda iaitu datangnya dari tiga perkara. Pertama, Yahudi, kedua, Nasrani dan ketiga, kemudian.

Dalam masyarakat kita hari ini boleh dikatakan kesemua penyakit masyarakat dan kesalahan besar yang diterangkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj itu sedang berlaku dengan berleluasa. Bahkan pada masa sekarang bukan sedikit jumlah orang Islam tidak menjalankan segala rukun-rukun Islam yang lima termasuk sembahyang, puasa, zakat dan haji.

Segala-gala ini berlaku adalah kerana iman kita makin bertambah lemah. Kita terdedah kepada pengaruh-pengaruh syaitan dan kita pula mudah dipengaruhi. Di samping kita terpengaruh pula kepada nilai-nilai yang bukan Islam yang sudah tentu datangnya dari musuh-musuh yang dikhabarkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam peristiwa Israk dan Mikraj Baginda terutama pengaruh keduniaan yang membuat kita lupa untuk mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan kita. Akhirnya menyebabkan keimanan kita bertambah luntur dan lemah.

Oleh itu andainya kita mahu terselamat di dunia dan akhirat maka tidak ada cara lain melainkan kita kembali kepada menghayati segala nilai-nilai dan ajaran Islam sebagai jalan kepada menyemai dan mengukuh keimanan kita masing-masing kerana tanpa iman rasa takwa kepada Allah, seseorang tidak akan terpelihara dari jurang kemaksiatan, kemungkaran dan segala macam kedurjanaan.


وقت سمیعہ ، امساك دان متہاری تربیت

وقت ۲ سمیعہ امساك دان متہاری تربیت باگی دائرہ برونی دان موارا مولائی دري ہاري رابو، ۱ شعبان، ۱۴۱۲ برسمان ۵ فیواری، ۱۹۹۲ ہیگ کھاری ثلاث، ۷ شعبان، ۱۴۱۲ برسمان ۱۱ فیواری، ۱۹۹۲ ادالہ سقرت دباوہ این :-

ہاریون	ظہر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	متہاری تربیت	ہاریون
برمولہ	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا
شعبان	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا	برمولا
۱	۱۲.۳۶	۳.۵۶	۳.۵۷	۶.۳۲	۶.۳۳	۷.۴۳	۶.۳۶	۵
۲	۱۲.۳۶	۳.۵۶	۳.۵۷	۶.۳۲	۶.۳۳	۷.۴۳	۶.۳۶	۶
۳	۱۲.۳۶	۳.۵۶	۳.۵۷	۶.۳۲	۶.۳۳	۷.۴۳	۶.۳۶	۷
۴	۱۲.۳۶	۳.۵۶	۳.۵۷	۶.۳۲	۶.۳۳	۷.۴۳	۶.۳۶	۸
۵	۱۲.۳۶	۳.۵۵	۳.۵۶	۶.۳۲	۶.۳۳	۷.۴۳	۶.۳۵	۹
۶	۱۲.۳۶	۳.۵۵	۳.۵۶	۶.۳۲	۶.۳۳	۷.۴۳	۶.۳۵	۱۰
۷	۱۲.۳۶	۳.۵۵	۳.۵۶	۶.۳۲	۶.۳۳	۷.۴۳	۶.۳۵	۱۱

وقت سمیعہ دان امساك باگی دائرہ ثلاث ہندقلہ دتبہ تیگ مینیت دان دائرہ توتوغ ہندقلہ دتبہ ساتو مینیت منکالا باگی دائرہ توتوغ ہندقلہ دتبہ تیگ مینیت ۲ وقت. سمیعہ فرض جمعة دسلوروہ نکارا برونی دارالسلام دمولائی داری فوکل ۱۲.۴۵ تھاری.

MEETING OF THE ASEAN HEADS OF GOVERNMENT 27-28 JANUARY 1992 SINGAPORE



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengumilakan titah di Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak Keempat Ketua-Ketua Kera-


SEMENTARA gambar atas kanan, beginda dan Duli Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri Hajjah Mariem sedang berbual mesra dengan Presiden Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Presiden Wee Kim Wee dan Isteri Puan Wee Kim Wee di Istana Negara semasa beginda dan Duli Yang Teramat Mulla berangkat mengadakan kunjungan hormat bersama-sama Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN yang lain bersama Isteri masing-masing kepada Tuan Yang Terutama dan Isteri di Istana Negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berbual mesra dengan Yang Berhormat Datin Paduka Rafidah Aziz sambil diperhatikan oleh Tuan Yang Terutama Tuan Wong Kan Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Singapura (kanan) di majlis makan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong.



SIDANG KEMUNCAK



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama-sama Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN yang lain ketika berangkat mengadakan kunjungan hormat kepada Tuan Yang Terutama Presiden Wee Kim Wee di Istana Negara.

DULI Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam, dan Yang Teramat Mulla Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah berangkat balik dari Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Keempat sambil berbual dengan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Dato Ahmad Abdullah Badawi (kiri).



SAGINDA sedang berbual mesra dengan Menteri Kanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Lee Kuan Yew semasa menerima mengadap Tuan Yang Terutama di tempat perasmayaman

KE ARAH MENGEKAL TULISAN JAWI SEBAGAI TULISAN NASIONAL



KEGIATAN mengadakan Peraduan Tulisan Jawi adalah satu cara untuk menghidupkan semula kemahiran dan seterusnya penggunaan tulisan Jawi dalam persuratan atau penulisan sehari-hari di negara ini.

Penonjolan semula tulisan Jawi itu juga akan dapat menghidupkannya daripada pudar kerana ianya adalah merupakan salah satu warisan tamadun orang-orang Brunei dan insya-Allah akan dapat menyaingi penggunaan tulisan Rumi dalam apa jua bidang persuratan, pembelajaran dan pentadbiran. Dari itu kita orang-orang Melayu Islam di negara ini mestilah sedar kepada kedudukan negara kita sebagai sebuah negara yang mengamalkan konsep 'Melayu Islam Beraja', dengan sama-sama mengambil peranan mengembangkan dan meningkatkan penggunaan tulisan Jawi.

RENCANA LANJUT DI MUKA 2

ANTARA KANDUNGAN

- Pat-Pat Gulambir — muka 12
- Nya Nini — Daun Pacar — muka 6
- Kebudayaan Brunei Antara Identiti dan Pembinaan Bangsa — muka 3
- Apa Pendapat Biskita — muka 6
- Cerpen — Bumi Tidak Sentiasa Basah — muka 4 & 5
- Rancangan Radio & TV — muka 8 & 9

Rencana



PARA guru juga patut mengambil peranan yang penting dalam mengajarkan dan memupuk minat murid-murid mereka terhadap tulisan Jawi.



MINAT ataupun gemar memperkembangkan seni khat tulisan Jawi patut dipupuk semasa kecil lagi agar dengan demikian bila dewasa nanti tidak akan mengatakan "Alif" sebagai batang kayu.

DALAM memelihara dan mengekalkan kepentingan nasional terutama dari segi bahasa dan budaya adalah amat penting setiap individu di negara ini menjaga setiap kepentingan nasional dan apa-apa jua yang relevan mengenainya.

Salah satu kepentingan nasional yang patut dan penting dijaga ialah kepentingan pada mengekalkan tulisan Jawi supaya warisan bangsa kita yang amat agung ini tidak akan pupus begitu sahaja tanpa adanya usaha-usaha untuk terus mengembangkannya.

Sebagaimana perumpamaan yang mengatakan dikenal pokok dari buahnya, dikenal manusia dari bahasanya dan budayanya. Begitu juga dengan kita sebagai bangsa Melayu yang mengamalkan ajaran agama Islam adalah berkewajipan pada mengekalkan kepentingan tulisan Jawi kepada generasi kita yang seterusnya.

Bangsa Melayu yang beragama Islam di negara ini haruslah merasa yakin bahawa penggunaan tulisan Jawi adalah lebih mengenalkan bangsa kita kepada bangsa-bangsa lain di dunia. Sebagaimana bangsa-bangsa lain seperti bangsa Russia, Jepun, India, Cina, Korea, Thailand dan sebagainya amat bangga dengan tulisan masing-masing yang melambangkan identiti bangsa mereka tersendiri dan tidak terikat dengan tulisan bangsa lain.

Dalam hal ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah beritah akan kepentingan tulisan Jawi di negara ini. Dalam titah tersebut baginda penuh berharap agar tulisan Jawi dapat disemai penggunaannya ke dalam masyarakat kita sebagai budaya

hidup yang diwarisi hingga turun-temurun.

Titah baginda, kita adalah tidak mahu untuk kehilangan tulisan Jawi, sebab inilah satu-satunya yang agung dan besar dari warisan yang masih tinggal yang boleh kita banggakan. Kehilangan tulisan ini akan banyak menjejaskan kepentingan kita, seperti pudarnya semangat nasional dan binasanya agama, kerana fungsi tulisan itu juga mendukung kedua-dua perkara tersebut titah baginda.

Dari apa yang baginda titahkan itu dapatlah kita simpulkan betapa besarnya harapan baginda agar tulisan Jawi ini akan terus dikekalkan penggunaannya sebagai tulisan warisan bangsa kita Melayu.

Tulisan Jawi inilah satu-satunya warisan yang berharga yang patut kita pertahankan sebagai warisan terus-menerus kepada generasi yang akan datang. Lebih-lebih lagi ianya adalah tulisan Al-Quran.

Dari segi sejarah tulisan Jawi adalah tulisan yang pertama sekali digunakan di negeri kita sebelum kedatangan tulisan Rumi yang dibawa masuk oleh pengaruh kebudayaan Barat.

Kehadiran tulisan Jawi berasal dari tulisan Arab ini dalam kehidupan masyarakat kita adalah mempunyai hu-

KEMBALIKAN KEDUDUKAN TULISAN JAWI DI PERINGKAT LEBIH TINGGI

OLEH ZUBAIDAH HS

bungan yang paling rapat dengan kedatangan Islam ke negeri kita dalam beberapa abad yang lalu, yang mana penggunaan tulisan Jawi semenjak kedatangan Islam ke negeri ini telah banyak memberikan sumbangan yang besar kepada masyarakat tempatan terutama sekali di bidang perkembangan agama Islam sendiri dan lain-lain bidang.

Tulisan yang diperkenalkan melalui dakwah agama Islam yang dibawa dari tanah Arab ini telah bertapak di Nusantara sejak lebih dari seribu tahun dahulu, dan sehingga kini telah berkembang menjadi tulisan tamadun yang tinggi nilainya dan telah dapat mempengaruhi kehidupan berjuta manusia di Nusantara.

MENGEKALKAN

Dari itu bagaimanakah cara untuk kita mengekalkan tulisan

Jawi ini supaya tidak hilang begitu sahaja tenggelam di bawah arus perkembangan dunia.

Dalam hal ini kerajaan pada tahun-tahun kebelakangan ini telah mengambil beberapa langkah bagi menjadikan tulisan Jawi sebagai tulisan nasional negara kita sejajar dengan apa yang pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada tahun 1991 yang lalu.

Di antaranya termasuklah menyusun semula sistem dan sukatan pelajaran membaca dan menulis Jawi di sekolah-sekolah di seluruh negara, sama ada dari peringkat rendah hingga ke peringkat menengah.

Dalam hal ini bukan sahaja melibatkan perubahan sistem kurikulum sekolah rendah dan

menengah tetapi juga agensi-agensi lain seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka pada menerbitkan buku-buku bacaan, majalah dan lain-lain terbitan dalam tulisan Jawi.

Bagi membiasakan permulaan penggunaan tulisan Jawi ini, murid-murid di peringkat pra lagi kini telah dilatih mengenal, menulis dan membaca ejaan-ejaan Jawi.

Usaha-usaha pada mengemban dan mengekalkan tulisan Jawi ini amat ketara ketika ini, yang mana salah satu usaha yang telah dibuat ialah dengan mengadakan pertandingan-pertandingan menulis Jawi di peringkat sekolah rendah dan menengah.

Peraduan-peraduan tersebut telah banyak dikendalikan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam dan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan. Dan sehingga kini ianya dijalankan sebagai aktiviti tahunan jabatan-jabatan tersebut, dengan hasrat untuk menyebarkan penggunaan tulisan Jawi di kalangan generasi muda dan umat Islam di negara ini agar dengan yang demikian akan lebih ramai yang berkebolehan dan berkemahiran dalam bidang tulisan Jawi.

Di samping murid-murid sekolah, peraduan-peraduan tulisan Jawi yang diadakan juga disambut baik oleh orang ramai di negara ini, yang mana penyertaannya juga telah meluas kepada pelajar-pelajar dewasa agama, kelas-kelas bimbingan mualaf, dan guru-guru Kementerian Pendidikan yang belum begitu mahir dalam tulisan Jawi.

Selain daripada itu, usaha untuk mempertahankan keutuhan tulisan Jawi, Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

telah menjadikan tulisan Jawi sebagai tulisan rasmi di seluruh sekolah-sekolah agama di negara ini.

Bagi mengekalkan tulisan ini supaya sentiasa berkembang dan diminati oleh semua lapisan masyarakat kerajaan juga telah memastikan supaya penggunaannya disebarkan bukan hanya setakat di pihak kerajaan dan murid-murid sekolah sahaja malahan kepada pihak-pihak swasta, syarikat-syarikat perniagaan dan lain-lain.

Penggunaannya memang tidak diragukan lagi sehingga ke hari ini adalah amat popular di negara kita ini sehinggalah kadangkala ada orang luar memperkatakan negara kita yang kecil molek ini umpama negara-negara Arab yang sentiasa terpacang di mana-mana tulisan-tulisan Jawi.

Perkara ini memang terbukti kerana kita dapat menyaksikan sendiri tulisan-tulisan Jawi memang sudah lama digunakan dan tergantung di setiap poster atau papan-papan tanda sama ada di masjid-masjid, bangunan-bangunan awam dan sebagainya.

Satu lagi usaha negara kita pada mengekalkan tulisan Jawi supaya terus digunakan ialah dengan mengadakan Peraduan Menulis Khat ASEAN.

Peraduan peringkat antarabangsa ini telah mengenalkan negara kita sebagai pengemban dalam memajukan tulisan-tulisan Jawi di rantau sebelah sini.

Dari itu semangat dan usaha negara kita pada mengekalkan tulisan-tulisan Jawi adalah wajar kerana dengan itu juga telah mengembalikan kedudukan tulisan Jawi di peringkat yang lebih tinggi di mata dunia.

Perkara ini adalah akibat daripada kesedaran beragama yang kuat di kalangan semua lapisan masyarakat di negara ini terutama bangsa Melayu yang beragama Islam dalam memperkukuhkan semangat nasional yang berkonsepkan Melayu Islam Beraja.



TULISAN-TULISAN Jawi yang indah dan menarik yang telah ditulis oleh murid-murid sekolah rendah dalam Peraduan Menulis Jawi.

Sastera dan Budaya

Kebudayaan Brunei Antara Identiti Dan Pembinaan Bangsa

RENCANA ini akan melihat ciri-ciri kebudayaan Brunei dan seterusnya melihat unsur-unsur asimilasi inovasi, adatasi, penghapusan dan pengkukuhannya.

Dan yang lebih istimewa ialah sejauh mana kebudayaan tersebut dapat digarap bagi pembinaan bangsa Brunei, iaitu yang sesuai dengan taraf negara ini sebagai sebuah negara yang baharu sahaja mencapai kemerdekaan itu.

Takrif kebudayaan adalah satu pentakrifan yang amat bergantung dengan pegangan teori seseorang pengkaji, justeru itu takrif kebudayaan ini amat banyak kita temui.

Dalam konteks kita hari ini kita tak payahlah melihat takrif yang begitu kompleks memadailah kita mengatakan bahawa kebudayaan meliputi segala-gala yang terdapat dalam masyarakat (cara hidup masyarakat) termasuklah segala gagasan (idea), alatan (material) dan pengucapan (expression). Atau secara mudah kebudayaan itu adalah segala ciptaan dan warisan manusia hidup bermasyarakat.

Ciptaan atau dayacipta atau kreativiti itu lahir dari proses interaksi masyarakat tersebut dengan ekologiannya bagi keperluan hidup (biologi) dan bagi menentukan kelangsungan kehidupan mereka (survival).

Proses tindak bertindak antara manusia dan alam terbitnya itulah menerbitkan unsur-unsur budaya yang bersifat gagasan (ideational), alatan (technological) dan lembaga (institutional).

Oleh sebab masyarakat itu memperoleh dayacipta dari sumber alam maka lahir pulalah order iaitu peraturan dan order yang paling tinggi dan utama ialah polity atau negara, di dalam per-

SIRI PERTAMA

aturan negara inilah dayacipta ini mengembang sehingga mencapai taraf tamadun.

Unsur utama dalam polity ialah pemerintahan atau struktur politik yang sifatnya menjadi alat penentu tentang kebudayaan bangsa itu (perkembangan kebudayaan itu ditentukan oleh penguasa itu tadi).

Golongan penguasa ini biasa disebut sebagai elit yang peranannya amat besar dalam menentukan teras keseragaman budaya melalui pengaruh kuasa, dan karisma mereka ke lapisan masyarakat yang menjadi pengikut atau rakyatnya.

Golongan Elit

Dari rangka takrif di atas kita dapat membuat tanggapan bahawa dalam masyarakat Melayu, elit itu ialah golongan bangsawan yang dikepalai oleh raja atau sultan. Perilaku pada golongan ini mahu tidak mahu atau secara sedar atau tidak banyak mempengaruhi perilaku-pengikutnya dan rakyat terbanyak.

Kesusasteraan Melayu klasik cukup jelas membuktikan hal ini. Maka itu lahirilah ketetapan bahawa salah satu ciri bangsa Melayu ialah mempunyai tuan iaitu Raja/Sultan, kelahiran Raja/Sultan didukung oleh per-

aturan yang terdapat dalam struktur politik polity/negara itu tadi, lantas terjalin satu perjanjian bahawa raja tidak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka atau raja untuk rakyat dan rakyat untuk raja.

Dari perjanjian ini tergambar satu ciri yang masih kekal dalam masyarakat Melayu iaitu ciri halus, tinggi, mulia, dan berdaulat, ciri-ciri inilah yang kita sebut sebagai "tradisi agung" (great tradition) dalam masyarakat Melayu.

Kelangsungan dari ciri-ciri ini lazimnya dijadikan sebagai dimensi identiti bangsa atau keperibadian bangsa itu.

Tugas kita sekarang adalah menjawab dengan jujur tentang persoalan mengenai identiti itu tadi:-

Sejauh mana kehalusan, ketinggian, kemuliaan dan kedaulatan itu masih kukuh dan bertahan baik ia dalam kehidupan formal mahupun tak formal.

Sejauh mana ciri-ciri tersebut dapat dikekalkan dengan proses pemodenan yang ada sekarang baik ia secara asimilasi, inovasi, adatasi dan penghapusan.

Sudahkah kita membuat program-program yang tersusun untuk mengekalkan pencemaran budaya murni atau tradisi agung itu.

Sampai bila kita boleh bertahan dengan istilah

OLEH HAJI HASHIM HAJI ABD. HAMID

Darussalam atau darulislamlam itu.

Setahan mana kita mengekang kewujudan *sensate culture* dan *a state of nature* yang merempuh dunia sebelah sini.

Sebelum persoalan di atas dapat kita jawab perlu dicari terlebih dahulu tentang dasar kebudayaan kita. Dari maklumat nisbah penduduk kita sudah cukup jelas bahawa dasar kebudayaan itu harus.

Kebudayaan Brunei itu mestilah berasaskan kebudayaan Melayu Brunei (Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut, Tutong).

Islam mestilah dijadikan intipati kebudayaan Brunei.

Raja atau Sultan harus tegak sebagai Yang Di-Pertuan baik sebagai ketua pemerintah, pertahanan, Melayu, agama, adat istiadat, undang-undang (yang tugasnya sebagai "khalifah" dalam Islam).

Sasaran

Apakah matlamat dari dasar yang tersebut di atas, kita boleh memperkirakan sekarang bahawa dasar kebudayaan Brunei itu harus mempunyai sasaran antaranya:

Pertama, mengukuhkan solidariti bangsa Brunei, sebagai satu bangsa yang mempunyai keperibadian murni, taat kepada agama dan setia kepada Raja.

Kedua, memelihara dan mengamalkan tradisi agung orang Brunei iaitu konsep halus, tinggi, mulia dan berdaulat yang tumbuh dari dasar kebudayaan, kebangsaan dan kesinambungan sejarah-nya.

Ketiga, memperkaya dan mempertingkatkan nilai kehidupan orang Brunei yang seimbang antara proses penebalan kerohanian dengan pembangunan ekonomi.

Matlamat dasar kebudayaan kebangsaan ini tidak akan dapat dicapai selagi pembahagian tugas dan tanggungjawab semua pihak baik agensi kerajaan atau orang ramai tidak selaras/serasi.

Semua agensi kerajaan umpamanya mesti mengambil bahagian yang aktif untuk memberi wajah kebudayaan kita itu.

Dasar pelajaran/pendidikan selain dari mengeluarkan rakyat yang berkemahiran untuk proses kehidupan ia juga perlu mengimbangi dengan pengetahuan kemanusiaan (termasuklah yang ada hubungannya dengan sikap, keperibadian, rasa kasih dan tanggungjawab).

Tidak ada gunanya seorang rakyat yang mahir dalam pembangunan fizikal tetapi amat "babu" dalam hal-hal kemasyarakatan bangsanya seperti persoalan konsep awar galat, konsep tua ditukaan, tidak meracak, pemurah dan lain-lain.

Untuk mencapai tujuan ini material pendidikan atau pembelajaran harus pula berada di tahap yang mencukupi umpamanya guru yang dedikasi, berhemah tinggi, buku teks yang menggambarkan nilai orang Brunei, suasana alam sekitar persekolahan yang boleh menghidupkan

KEBUDAYAAN Brunei itu mestilah berasaskan kebudayaan Melayu Brunei (Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong).

dayafikir dan daya-budi.

Kependekan dari itu semua ialah dasar pelajaran harus dapat berimbang dengan dasar kebudayaan.

Media massa harus mencerminkan keperibadian bangsa di samping fungsinya sebagai penyebar ilmu.

Perilaku hidup dalam media kerajaan (televi-syen atau radio) perlu menjurus kepada proses pembinaan bangsa bukan komersil.

Penapisan media massa yang datangnya dari luar harus dilakukan sama rata.

Pusat Sejarah perlu mengembangkan fungsinya yang sedia ada kepada pusat sejarah keperibadian bangsa Brunei.

Muzium pula bukan saja fungsinya sebagai himpunan barang-barang lama, tetapi harus menjadi pusat penyelidikan dengan cara mengiklankan fungsi muzium dalam pendidikan orang Brunei (hal ini perlu ada kerjasama dari Kementerian Pendidikan).

BERSAMBUNG

RAJA atau sultan harus tegak sebagai Yang Di-Pertuan baik sebagai ketua pemerintah, pertahanan, Melayu, agama, adat istiadat, undang-undang (yang tugasnya sebagai "khalifah" dalam Islam).

CERPEN

BUMI TIDAK SENTIASA BASAH

OLEH IKA H. A. T.

"Oh," memang jelas ketidak-senangan pada nada suaranya.

"Eh, selama ni, aku tak pernah pun nampak kau."

"Yati baru pindah ke sini," aku memberitahunya tanpa ikhlas.

"Oh, Zul tinggal di sebelah sana tu," dia memberitahuku sambil menunjuk jari telunjuknya ke satu arah. Sebuah kondominium bersebelahan dengan tempat kediamanku.

"Mari Zul angkatkan barang-barang ni masuk ke rumah Yati," keikhlasannya begitu menyusahkan. Namun kubuka jua pintu kondomiumku. Aku berusaha untuk menutupi dan menyambut kebakkannya. Aku memang tidak sudi menerima sedekahnya itu.

Aku mempelawanya masuk sambil membawanya ke ruang dapur. Dia membawa barang-barangku dan meletakkannya di atas meja dapur. Matanya mengerling pada ruang dapurku yang kuhias indah dengan berlatarbelakangkan warna merah jambu.

"Suami Yati tak marah ke Zul masuk ke sini tanpa pengetahuannya?" Mungkin kerana rumahku sunyi dan tanpa kehadiran 'suami' membuat dia bertanya soalan itu. Aku cuma tersenyum mendengarkan kata-katanya itu nampak Zulkarnain tidak menyedari bahawa aku masih lagi berstatus bujang. Tapi, kurasa aku tidak perlu memberitahunya dan menjelaskannya.

"Yati, dia tak marah ke ni?" Ah! Begitu dunggu soalan itu.

"Zul, kautengok rumah aku ni, ada ke tanda-tanda yang Yati berkongsi tempat tinggal dengan seorang 'lelaki'?" Aku cuba memberitahunya.

"Tak ada, nampaknya kau tinggal seorang saja di sini."

Dia bersuara setelah lama memperhatikan keadaan tempat tinggalku.

Kemudian aku mempelawanya untuk masuk ke ruang bilik tamu. Aku kembali ke dapur untuk mengambilnya minuman pembasah tekak. Tangkuku ingin mengambil setin coca cola, minuman kegemarannya. Tetapi, ada sesuatu yang menegah aku dari mencapai minuman tersebut. Apa katanya nanti? Mungkin dia akan tahu aku masih ingat sesuatu mengenainya. Kerana cuba menutupi kesalahanku, aku mencapai setin minuman kacang soya, minuman yang tidak diminumnya. Dia memang alergic pada minuman itu. Boleh membuat perutnya sedikit mual, bukannya itu peluang untukku menghalaunya pergi tanpa menyinggung perasaannya? Aku tersenyum. Ah, kau memang nakal Yati! Aku mengejek dan mengumpat diriku sendiri. Aku keluar sambil menyediakan segelas susu kacang soya di atas meja, sambil menyilakan Zulkarnain untuk minum apa yang kuhidangi.

"Zul minumlah, cuma minum saja, biskut tak ada."

"Apa tu?" Aku sudah mengagak soalan itu akan keluar dari mulutnya.

"Susu kacang soya," aku menjawab pendek.

"Zul tak pandai minum."

"Tak pandai? Biar Yati ambikan minuman lain, Zul suka apa?" Aku pura-pura tidak tahu. Aktinku yang kononnya hendak bersusah payah ke dapur itu, rupanya berkesan.

"Tak apalah, lagipun Zul dah terlambat ni, Zul hendak menjemput tunang Zul ni, nanti marah pula dia."

"Oh, siapalah perempuan malang tu," aku cuba mengusik sambil tersenyum, sekadar me-

nutupi perasaan cemburuku yang tiba-tiba saja melintasi kamar hatiku.

"Kau tak kenal dia, tapi dia kenal kau."

Zulkarnain meninggalkan aku. Ada sedikit kemenangan di atas kepergian Zulkarnain petang tadi. Malam ini, aku langsung dibelaggu resah. Bayangan Zulkarnain yang menerima dan memenuhi ruang matak, menjadikan aku tidak berdaya untuk merasa senang.

"Zulkarnain."

Sudah lama nama itu tidak meniti bibirku. Sudah lama hanya lenyap dari mimpi-mimpi ngeriku. Namun nama itu sentiasa dan masih bertakhta di dalam hatiku. Hanya seakan sudah menjadi sebahagian dariku. Bahkan sejarah hidupku dilengapi dengan nama itu.

Nama yang menjadi legenda di dalam hidupku itu, adalah sumber ilhamku, simbol ilusiku, kunci inspirasi dan lambang kejayaan iktikad hidupku. Mampukah aku untuk lari dari Zulkarnain lagi?

Aku yang menipu diri sendiri, mungkin akan mampu menutupi perasaanku? Lantaran Zulkarnain kembali menjenguk destinasi hidupku. Apa aku boleh lari dari kenyataan ini? Kehadiran Zulkarnain bererti aku menyeksa hidupku sendiri. Jika aku terus bertemu Zulkarnain, berarti aku membantu menzalimi jiwa yang sudah lama parah.

Aku tidak akan dapat melepaskan diriku terhinca oleh hakikat ini. Aku tidak boleh bersua dengan Zulkarnain, aku mesti pergi jauh dari sini, mesti! Tapi bukannya itu akan menunjukkan kelemahanku?

Aku baru pindah ke sini, Zulkarnain akan mencium rahsia hatiku, akan menyedari gejolak perasaanku. Aku mesti memerangi sejuta kemungkinan ini. Aku tidak akan membiarkan sampai Zulkarnain mentertawakan aku.

Bukankah Zulkarnain sudah bertunang, tentu saja itu menolongku merahsiakan isi hatiku. Ada sedikit rasa kesal terhadap pengakuan Zulkarnain yang sudah menjadi milik seseorang, tapi bukannya itu yang kumahu agar Zulkarnain tidak sampai membongkar rahsia hatiku. Aku tidak akan membiarkan Zulkarnain mende-kati aku.

Mataku kututup rapat, dadaku terasa sebak kerana nafasku yang tersekat-sekat. Ketika di sekolah menengah dulu, Zulkarnain adalah jaguh di dalam arena sukan. Atlet yang pintar dan pantas dicabar ini. Tentunya, dia memang menjadi perhatian dan idaman setiap pelajar perempuan di kolej ketika itu. Tetapi tidak semua perempuan menyenangi Zulkarnain, iaitu aku.

Aku tidak pernah menyukainya. Dia berasal dari keluarga yang bahagia yang harmoni dan damai. Tidak porak-peranda seperti aku. Di sekolah dulu, aku dan dia sering bersaing untuk

menjadi juara kelas, sering berlumba-lumba untuk menjadi murid pilihan. Aku tidak mudah menyerah kalah begitu juga dengan Zulkarnain. Perkara itu sering menjadi punca kebencianku terhadap Zulkarnain. Kami berpisah selepas tamat tingkatan lima ternyata nasibku begitu baik sehingga aku terpilih untuk meneruskan pelajaranku di luar negeri.

Aku masih ingat bagaimana Zulkarnain menyedari aku tidak menyukainya. Cuma aku yang tidak hadir ke pesta hari jadinya, cuma aku yang tidak sudi menjadi rakannya untuk sesuatu projek atau kajian. Cuma aku saja yang berani menolak setiap ajakannya.

Aku terus saja memberitahu mengenai kebencianku terhadapnya. Sejak itu, serta-merta saja Zulkarnain hilang minat untuk mendekati aku. Zulkarnain sering mahu aku merasa terganggu dengan kehadirannya.

Perkara itu membuat aku serba salah, aku merasa berdosa terhadap Zulkarnain, aku terus meminta maaf supaya dia dapat mengampunkan kesalahanku itu. Syukurhailah Zulkarnain tidak mengambil hati, kami mula berkawan tetapi cuma sebagai rakan biasa, yang tidak memerlukan satu persahabatan yang kukuh.

Aku mula menyedari yang aku menyayangi Zulkarnain ketika kami sama-sama hendak mengetahui keputusan peperiksaan peringkat 'O' kami. Sememangnya cuti panjang semasa menunggu keputusan peperiksaan, membuat hatiku sering merasa kehilangan. Aku begitu merindunya, bila kami bersua kembali, baru aku menyedari aku hampir-hampir saja memeluk orang yang kusayangi itu. Nasib baik, aku lekas menyedari siapa aku.

Bila aku berada di luar negeri, kasih itu semakin mendalam. Baru aku menyedari bahawa aku memerlukan Zulkarnain di sisiku. Ketidadaannya menyedarkan aku betapa aku mengharap agar aku mempunyai seorang musuh yang membolehkan aku bersaing untuk maju.

Tanpa dia, hidupku semakin mendatar, tiada mempunyai sebarang keistimewaan. Aku akhirnya menyimpan rahsia isi hatiku. Aku memang sedar dari dulu lagi, aku tidak akan dapat menarik minat Zulkarnain, aku tidak cantik. Aku malu untuk memberitahu Zulkarnain, aku sedar siapa aku. Zulkarnain akan mentertawakan aku kalau sampai dia tahu. Kurang-kurang pun dia akan menasihati aku untuk bercermin diri sendiri terlebih dahulu.

Esoknya, aku terbangun dari tidur, rupanya aku terlepas jua walaupun tidurku disulam dengan bermacam-macam mimpi buruk yang mengerikan. Aku terjaga lebih kurang pukul

LIHAT MUKA 5





ستياس برسام بيسكيتا
Sentiasa Bersama Biskita

سكيتار. تي. بي

SEKITAR RTB

UNTUK BISKITA

SOALAN DI UDARA

SEPERTI biasa inilah dibacakan lima soal-soalan beserta jawapan yang telah dikemukakan dua minggu lepas — 17 Januari 1992.

1. Persidangan Persekutuan Pertubuhan-Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN Kali Ke-6 telah diadakan di negara ini dalam tahun 1988. Siapakah yang merasmikan persidangan tersebut?

Jawapan :

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.

2. Di manakah berlangsungnya Majlis Menandatangani Perjanjian Mencetak Mushaf Al-Quran pada bulan September, 1991?

Jawapan :

Di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

3. Berapa buahkah kampung-kampung yang termasuk di dalam Mukim Bokok, Daerah Temburong?

Jawapan :

15 buah

4. Nyatakan dua masyarakat yang pernah mempopularkan permainan guli, sejenis permainan yang tertua di dunia antara tahun 27 sebelum Masihi hingga 14 Masihi.

Jawapan :

Masyarakat Mesir Purba dan Rom Purba.

5. 'Marzipan Chocolate' adalah sejenis gula-gula yang paling besar di dunia. Nyatakan berat gula-gula tersebut dalam kiran kilogram.

Jawapan :

1,850 kilogram.

Seterusnya pula inilah dibacakan lima lagi soal-soalan baru untuk keluaran rancangan minggu ini 31 Januari, 1992.

1. Buku kanak-kanak yang berjudul 'Rumah Besar Di Atas Bukit' adalah salah satu dari buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam. Siapakah penulis buku tersebut?

2. Nyatakan nama pusat bekalan air bagi Daerah Temburong.

3. Dalam tahun berapakah bermulanya perusahaan gas di negara ini?

4. Apakah jenis vitamin yang banyak terdapat dalam minyak kelapa sawit?

5. Apakah nama sejenis ikan yang mempunyai gigi yang sangat tajam seperti pisau cukur dan berbentuk runcing?

Tarikh tutup : 12 Februari, 1992.

BERITA KELUARGA

ORANG-ORANG Brunei memang terkenal dengan kekeluargaannya. Pekerjaan yang sedikit apatah lagi banyak, keluarga dekat dan jauh akan berkumpul bagi sama-sama mengerjakannya. Sifat kekeluargaan inilah yang diwarisi dan menjadi darah daging orang-orang Brunei, bak kata orang, tidak lekang dek panas dan tidak lekang dek hujan.

Sehubungan dengan itu, sudah pastilah dalam menandai nilai-nilai kehidupan bermasyarakat yang dimiliki oleh orang-orang kitani hingga ke hari ini, lebih banyak menggambarkan unsur-unsur kekeluargaan, ramah-tamah, sopan santun dan sebagainya. Ini akan lebih ketara lagi peranannya sama ada dalam ketika kegemilangan ataupun kedukaan.

Oleh yang demikian, peranan Berita Keluarga di dalam siaran Perkhidmatan Radio adalah merupakan salah satu dari cabang unsur kekuatan bermasyarakat yang kita nikmati di negara ini. Peranannya yang amat besar ini bukan sahaja dijadikan sebagai titian untuk menyebarkan berita-berita kesedihan akan tetapi lebih dari itu merupakan kekuatan beragama yang kita amalkan setiap hari.

Secara sedar ataupun tidak, kita mungkin merasakan keistimewaan yang terdapat di dalam hikmat Berita Keluarga ini, kekuatan yang ada padanya bukan saja setakat untuk menyampaikan berita yang berkenaan, akan tetapi penyertaan kita semua dalam membacakan SURAH AL-FATIHAH dan DOA

setelah selesai membaca berita yang menyedihkan itu. Inilah ciri-ciri yang menjadikannya lebih dominan dalam berperanan menyumbangkan khidmatnya.

Satu keunikan yang jarang benar kita temui, dibandingkan dengan stesen-stesen siaran perkhidmatan radio di tempat lain. Hal ini adalah kerana kedudukan iklim bermasyarakat dan bernegara yang jauh berbeza dengan kita. Sudah pastilah trend yang kita wujudkan di dalam siaran perkhidmatan radio merupakan salah satu gambaran kuat akan ciri dan identiti negara kita 'Melayu Islam Beraja'. Ini sekaligus menyatakan kekuatan kita dalam menandai kehidupan yang berlandaskan kehidupan beragama yang teguh. Meskipun hal ini, kalau kita perhatikan hanya sekadar sekelumit dari khidmat radio yang sedia ada, akan tetapi kesannya kepada mereka yang berkenaan dan menghadapi situasi itu akan lebih memberikan maknanya yang begitu mendalam. Keadaan inilah merupakan cabang dari orientasi perkhidmatan yang radio semai dalam berperanan kepada orang ramai di negara ini.

Khidmat Berita Keluarga ini adalah merupakan salah satu dari kemudahan yang tersedia bagi digunakan oleh semua. Dengan khidmatnya yang pantas dan percuma, dapatlah dijadikan wadah untuk memanggil mereka yang jauh sama ada di dalam negara ataupun di negara-negara jiran yang berdekatan.

Sungguhpun begitu, seperkara harus juga diketahui oleh orang ramai yang menggunakan khidmat radio ini iaitu hendaklah memahami syarat dan peraturan yang dikhususkan, yang telah menjadi kelaziman yang sudah pun diamalkan sejak wujudnya Berita Keluarga di radio. Pemohon hendaklah menyatakan nama penuh, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor telefon jika ada, ini semata-mata untuk menyenangkan pihak yang berkenaan menghubungi si pemohon jika terdapat sebarang keraguan. Keluarga yang ditujukan, biarlah orang yang terdekat saja, tidak perlu menyatakan nama yang banyak. Itulah peraturan dan syarat yang harus diketahui.


Perkhidmatan radio, bukan sahaja dijadikan sebagai penyampai maklumat, akan tetapi ia juga sebagai laluan untuk kita terus berperanan dalam mengukuhkan kekuatan beragama di kalangan masyarakat di negara kita ini.

Dan kita mengharapkan dengan adanya ingatan kuat yang kita tanamkan dalam bersedia untuk menyumbangkan sedekah dan doa ketika mendengar kematian salah seorang umat Islam, melalui khidmat Berita Keluarga yang dapat memupuk semangat kekuatan untuk sering tolong-menolong antara satu dengan yang lain. Khidmat radio Sentiasa Bersama Biskita.

MI KETAM BERKUAH

Bahan-bahannya :

- 900 gram mi kuning
- 300 gram tauge
- 180 gram daging ayam - dipotong memanjang
- 150 gram udang - dibuang kulitnya
- 100 gram isi ketam - yang telah siap direbus
- 2 biji cili merah - dipotong bulat halus
- 1 biji cili hijau - dipotong bulat halus
- ½ camca teh garam
- ¼ camca teh lada sulah
- 1 camca teh kicap cair
- 1 camca teh tepung jagung
- 4 camca besar minyak mazola
- 150 gram sawi hijau muda
- 4 ulas bawang merah - dimayang halus
- 4 ulas bawang putih - dicincang halus
- 3 cawan cendawan kuning - direndam dan dipotong memanjang
- 1 batang daun bawang - dimayang halus



Untuk air kuahnya :-


- 4 cawan air rebusan daging
- 4 camca teh kicap cair
- ½ camca teh kicap pekat
- 1 camca besar minyak sapi (Ghee)
- ¼ camca teh lada sulah
- 7 camca teh tepung gandum
- 2 kiub stok magi lembu (Semua bahan-bahan di atas dicampur keseluruhannya).

Cara menyediakannya :-

1. Sejukkan ayam, udang bersama garam, lada sulah, kicap cair, tepung jagung.
2. Celurkan tauge di dalam air panas dan toskan.
3. Campurkan 1 camca besar minyak ke dalam air tadi dan celurkan sawi dan ketepikan.
4. Begitu juga mi dicelurkan di dalam air yang sama tadi dan toskan.
5. Selepas itu letakkan mi di atas pinggan bujur dan masukkan tauge dan sawi tadi, susunkan.
6. Pijarkan kuah dengan 3 camca besar minyak dan tumiskan bawang hingga wangi baunya.
7. Masukkan cendawan, goreng sebentar, daging yang telah disejukkan, kacau-kacau sebentar.
8. Selepas itu masukkan pula air kuah yang telah dicampurkan terlebih dahulu biarkan ia beberapa waktu dan pekat airnya.
9. Kemudian masukkan isi ketam.
10. Apabila cukup masak dan elok tuangkan ke atas mi tadi.
11. Taburkan daun bawang dan bawang goreng, cili di atasnya.
12. Hidangkan mi ini bersama dengan hidangan sambal belacan.

NYA NINI ...

KHASIAT DAUN INAI (PACAR)



ORANG-ORANG di Timur telah mengenali daun inai (pacar) sebagai bahan solek kaum wanita. Selain dari dijadikan bahan hiasan kuku pengantin dan juga pewarna rambut, daun inai (pacar) boleh mengelakkan rambut gugur dan penghilang bau peluh.

Seperti biasa daun inai hendaklah ditumbuk halus kemudian campurkan dengan santan pekat dan sapukan pada kulit kepala biarkan semalaman esoknya, cucilah seperti biasa. Lakukan seminggu sekali sehingga rambut tidak gugur lagi.

Bagi mereka yang menghadapi masalah badan berbau daun inai (pacar) yang telah ditumbuk sapukan pada bahagian badan yang sering mengeluarkan peluh seperti bawah ketiak, pelipat kaki dan sendi setengah jam sebelum mandi, selepas itu mandilah seperti biasa.



مناریق میشتو این

MENARIK MINGGU INI

RAMPAI PAGI

1. Apakah yang akan diutarakan oleh adat istiadat tentang pemakaian Baju Kuning?
2. Perusahaan apakah yang diundang minggu ini?
3. Sejauh manakah sudah persiapan sambutan Hari Kebangsaan?
4. Dari segi manakah pemilihan Sekolah Agama Teladan?
5. Kuiz telefon masih bersama awda.

Untuk mengetahuinya, jangan lupa mengikuti rancangan mingguan Rampai Pagi pada 9 Februari 1992, hari Ahad jam 8.30 pagi secara langsung.



TAYANGAN gambar Inggeris 'The Summer My Father Grew Up' akan dapat biskita saksikan tayangannya pada hari Ahad, 9 Februari.



SIRI komedi 'Full House' akan dilayangkan pada hari Jumaat 7 Februari, jam 5.15 petang.

LIPUTAN SEMASA MINGGU INI

JUMAAT, 7 FEBRUARI

PERSIAPAN Sambutan Hari Kebangsaan

ISNIN, 10 FEBRUARI

PENYERAHAN Anak-Anak Kunci Rumah dan Penamaan Sekolah Menengah Salamangar.

ARENA SUKAN

1. Kejohanan Sepak Takraw Belia 20 Tahun Ke Bawah.
2. Kejohanan Olahraga Batalion Kedua ABDB.

RANCANGAN ini akan disiarkan pada hari Selasa, 11 Februari jam 9.35 malam.

Rancangan Doi Ginisnya

RANCANGAN kesukaan kanak-kanak, Doi Ginisnya minggu ini akan membawa tajuk 'Hidup Bermasyarakat'. Kepada mereka yang meminati rancangan ini, jangan lupa menyaksikan siarannya pada hari Ahad, 9 Februari jam 8.15 pagi.

FORUM BUNGA RAMPAI BAHASA MELAYU

SEPERTI juga di Australia dan Inggeris, negara-negara Jepun dan Jerman juga telah mulai mengenal budaya dan bahasa Nusantara, bahasa Melayu. Namun demikian, setakat manakah perkembangan penyaluran bahasa Melayu itu diterima oleh penduduk setempat. Perbincangan mengenai tajuk "PENGAJARAN BAHASA MELAYU DI NEGARA JEPUN DAN JERMAN" akan mendedahkan sedikit sebanyak perkembangan pembelajaran bahasa Melayu itu di kedua negara berkenaan.

Ikutilah forum bunga Rampai Bahasa Melayu siri 2 episod 12 yang akan disiarkan pada 7 Februari, 1992 kira-kira jam 10.15 malam. Rancangan akan mengketengahkan barisan panel Dr. Mangantar Simanjuntak, Md. Michael Abdullah dan Takaichi Yoneda.

SELASA, 11 FEBRUARI

REKASENI

(9.00 malam)

RANCANGAN tempatan Rekaseini pada minggu ini akan menunjukkan cara-cara menggubah 'Bunga Daripada Kertas-kertas Majalah'.

Dan kepada peminat rekaseini khususnya suri-suri rumahtangga, jangan lupa menyaksikan rancangan ini yang akan diadakan pada hari Selasa.



DUA orang pelakon yang membintangi filem The Veiled One. Tayangan gambar dialarkan pada hari Isnin 10 Februari, jam 10.50 malam.

KHAMIS, 6 FEBRUARI

WILD SOUTH 'Pukeko'

(6.10 petang)

MINGGU ini Wild South membawa penonton untuk mengenali sejenis burung yang tinggal di Western Spring Park, Auckland. Walaupun burung-burung ini tinggal dikelilingi oleh bandar yang besar namun mereka dapat menguruskan kehidupan mereka seperti lazimnya.

JUMAAT, 7 FEBRUARI

FULL HOUSE

(5.15 petang)

SIRI komedi yang menarik, lucu dan memikat hati mengenal dengan seorang duda yang memelihara tiga orang anak perempuannya. Dia telah dibantu oleh Jesse siapa yang memainkan peranan sebagai penolong keluarga rumah dan penghibur.

Tirai Keluarga

AHAD, 9 FEBRUARI (8.00 malam)

PELARIAN AISHAH

AISHAH melarikan diri setelah dihina oleh bakal ibu mertuanya semasa hari pernikahannya dengan Firdaus. Kononnya Aishah adalah seorang anak luar nikah. Aishah sampai di sebuah kampung yang mana ia tinggal bersama Haji Karim. Kehadiran Aishah di kampung telah menimbulkan bermacam-macam funah. Semasa di kampung Aishah telah diberitahu oleh tunangnya, Firdaus siapa dirinya sebenar. Ikutilah lanjutan cerita ini pada hari Ahad nanti.



HANG TUAH

Mustika Silam

SABTU, 8 FEBRUARI (8.00 malam)

HANG TUAH

CERITA mengisahkan seorang pahlawan Melaka yang bernama "HANG TUAH" yang banyak berjasa dalam pemerintahan Negeri Melaka pada zaman dahulu. Dengan kejujuran dan ketangkasannya, dia disayangi dan dipercayai oleh raja yang memerintah pada ketika itu. Dengan barisan para pelakon, Tan Sri P. Ramlee, Saadiah, Ahmad Mahmud, Zaitun, Haji Mahadi, Siti Tanjong Perak. Awda akan dapat mengikuti tayangannya pada hari Sabtu nanti.



ستتاس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليڤيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PELAN RYD Berhad
Membuat Rancangan
dan Rancangan

لؤلؤ عبادت EHWAL IBADAT

(5 Februari)
Tajuk : Yang Membatalkan Sembahyang.
(6 Februari)
Tajuk : Yang Membatalkan Sembahyang.
(7 Februari)
Tajuk : Yang Membatalkan Sembahyang.
(8 Februari)
Tajuk : Sujud Sahwi.
(9 Februari)
Tajuk : Sujud Sahwi.
(10 Februari)
Tajuk : Sujud Sahwi.
(11 dan 12 Februari)
Tajuk : Sembahyang Sunat.
Tetamu Undangan : 5 hingga 7 Februari, Haji Ismail Haji Sulaiman dan 8 hingga 12 Februari, Haji Rajid Haji Abd. Kadir.

عمالن سنة Amalan-Amalan Sunat

AMALAN-AMALAN SUNAT

(5 Februari)
Tajuk : Terkejut Dari Tidur.
(6 Februari)
Tajuk : Mimpi Baik.
(7 Februari)
Tajuk : Mimpi Buruk.
(8 Februari)
Tajuk : Doa Bangun Dari Tidur -1.
(9 Februari)
Tajuk : Doa/Zikir Bangun Dari Tidur -2.
(10 Februari)
Tajuk : Menyembuhkan Yang Sakit -1.
(11 Februari)
Tajuk : Menyembuhkan Yang Sakit -2.
(12 Februari)
Tajuk : Menyembuhkan Yang Sakit -3.
Disiarkan melalui radio selepas Azan Zuhur dan jam 6.00 petang.

SIRI PILIHAN

BREAKTHROUGHS 'Window On The Body'

(8 Februari, jam 7.20 malam)
PARA doktor dan saintis perubatan seluruh dunia merasa gembira terhadap implikasi yang mengejutkan mengenai dengan sejenis alat perubatan yang baru yang telah dicipta. Untuk mengetahui apakah alat perubatan tersebut saksikanlah siarannya pada hari Sabtu nanti.

PERFECT STRANGERS

(7 Februari, jam 10.00 malam)

SIRI komedi yang dibintangi oleh Mark Linn Baker dan Bronson Pinchot — mengenai dengan kisah dua saudara sepupu yang tinggal berjauhan dan bertemu lagi bagi musim keenam. Episod pertama bagi musim ini ialah 'Safe At Home'.

RABU 5 FEBRUARI

PETANG

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 TALESPIR
4.45 GHOST OF FAFFNER HALL 'Music Is More Than Technique'
5.10 RAIDER OF THE SOUTH SEAS
5.35 GROWING PAINS 'The Triangle'
5.45 RINGKASAN BERITA GROWING PAINS — Sambungan
5.50 RISKING IT ALL
6.10 AZAN MAGHRIB
6.33 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
6.38 RISKING IT ALL — Sambungan
6.48 EHWAL IBADAT 'Yang Membatalkan Sembahyang'

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SESAT DALAM CAHAYA 'Insaf' Bahagian I
7.35 GOLDEN YEARS
7.44 AZAN ISYAK
7.49 GOLDEN YEARS — Sambungan
8.30 WARTA BERITA
9.05 SUDUT PELITA
9.10 LIPUTAN SEMASA
9.40 CADOL AND COMPANY ROAD TO WEMBLEY 'Middlestrough From Hell'
10.10 MIAMI VICE
11.00 'Over The Line'
11.50 DOA
12.00 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 6 FEBRUARI

PETANG

4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
4.02 AL-QURAN
4.12 SUSUNAN RANCANGAN
4.15 SESAME STREET
5.10 DISNEY'S ADVENTURES OF THE GUMMI BEARS OF HOGAN FAMILY
5.35 'Used Cars'
5.45 RINGKASAN BERITA HOGAN FAMILY — Sambungan
BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Januari. — Pengiran Abdul Harris bin Pengiran Haji Shahbuddin dan Dayang Juliah binti Md. Janai telah dipilih untuk mewakili Jabatan Perdana Menteri ke Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran di antara pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri pada awal bulan Februari ini.

Kedua-dua mereka ini telah diisytiharkan menjadi johan dalam Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran di antara pegawai dan kakitangan Jabatan Perdana Menteri yang diadakan hari ini bertempat di Bilik Persidangan III, Jabatan Perdana Menteri Binaan Sekretariat di sini.

Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman telah menyampaikan

hadiah-hadiah kepada pemenang dan peserta yang menyertai perpaduan ini.

Terdahulu dari itu, pengerusi majlis Awang Haji Md. Murad bin Abang Ali berkata, perpaduan ini juga dihasratkan untuk memberi galakan mencuba kebolehan mereka di bidang pembacaan Al-Quran dan meningkatkan dan mendalami pembacaan Al-Quran dari masa ke semasa.

Seramai lapan orang peserta telah mengambil bahagian di perpaduan tersebut.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian cenderamata kenang-kenangan yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Alimin bin Haji Abdul Wahab kepada pegawai dan kakitangan yang bertukar, bersama dan kepada seorang kakitangan yang memeluk agama Islam.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin menyampaikan piala kepada Pengiran Harris bin Pengiran Haji Shahbuddin. — Gambar oleh Abdullah HAD.

Perpaduan tentukan maju mundur sesebuah organisasi

Oleh
Aliddin HM

BERAKAS, 24 Januari. — Perpaduan adalah satu punca maju mundur sesebuah organisasi kerana ianya dapat merapatkan perhubungan dan melicinkan pelaksanaan tugas-tugas di antara bahagian dan peringkat sesebuah organisasi itu.

Menteri Undang-Undang, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Haji Bahrin, bersabda perkara ini telah digalakkan dalam Islam kerana telah terbukti bahawa perpaduan dalam beragama, bermasyarakat dan bernegara adalah satu rahmat manakala berpecah belah adalah satu bala

yang menimbulkan berbagai bencana.

Yang Amat Mulia yang juga Timbalan Pengerusi Syarikat Penerbangan Diraja Brunei bersabda demikian di Majlis Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran antara kakitangan syarikat-syarikat yang bergabung di bawahnya bertempat di Kelab Rekreasi RBA di sini.

Pertandingan Al-Quran, tegas Yang Amat Mulia, adalah satu-satunya cara

yang baik bagi memelihara Al-Quran termasuk berpegang teguh kepada kitab suci yang menjadi pemimpin dan pedoman kita dalam menghadapi arus kehidupan seharian yang membuat kita sentiasa ingat kepada Allah Subhanahu Wataala dan ia dapat menonjolkan kakitangan yang berpotensi untuk tampil dengan bacaan yang teratur serta menghalusi bacaan Al-Quran.

"Perlaksanaan pertandingan ini sudah tentu memerlukan banyak tenaga manusia namun demikian ia adalah satu perkara yang digalakkan kerana ia dengan sendirinya akan dapat menyatukan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam perkara-perkara yang berkebalikan ikatan silaturahmi yang sedia ada," sabda Yang Amat Mulia.

Sejak pertandingan ini diadakan pada tahun 1989 tambah Yang Amat Mulia, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei tidak ketinggalan melaksanakan kegiatan kegiatan bercorak keagamaan seperti mengadakan kelas-kelas agama, syarahan-syarahan agama, memperingati Nuzul Al-Quran dan Maulud Nabi dengan sendirinya meletakkan tanggungjawab yang berat ke atas pemimpin-pemimpin dan pengurus-pengurus gabungan syarikat ini pada memberi contoh yang baik di sektor swasta dalam sama-sama mendukung hasrat negara yang bercorakan Melayu Islam Beraja.

Seramai lapan peserta termasuk empat wanita yang mewakili syarikat-syarikat yang bergabung di bawah Syarikat Penerbangan Diraja Brunei mengambil bahagian.

Awang Haji Ismail bin Haji Sulaiman telah muncul sebagai johan bahagian qari manakala Dayangku Saadiah binti Pengiran Haji Mohd. Salleh johan bahagian qariah.

Mendapat tempat kedua bahagian qari ialah Awang Hamidon bin Haji Damit dan ketiga ialah Pengiran Haji Kassim bin Pengiran Haji Mohd. Salleh. Sementara itu naib juara dalam bahagian qariah ialah Dayang Maimunah binti Haji Ghaffar manakala ketiga dimenangi oleh Dayang Faridah binti Haji Mohd. Taufek.

Johan qari dan qariah akan mewakili Syarikat Penerbangan Diraja Brunei ke pertandingan peringkat kebangsaan bahagian sektor-sektor swasta yang akan diadakan kemudian.

Yang Amat Mulia juga menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang. Juara kedua-dua bahagian menerima piala rebutan yang disumbangkan oleh Pengarah Urusan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, Pengiran Haji Tengah bin Pengiran Dato Paduka Haji Metassim.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Amat Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap serta pegawai-pegawai kanan RBA.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Alimin bin Haji Abdul Wahab menyampaikan cenderamata kepada Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain ketika berucap merasmikan Seminar Mencegah Penderaan Kanak-Kanak anjuran bersama Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Perbuatan mendera anak-anak damit tidak harus dibiarkan

Oleh
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 27 Januari. — Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekema Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain hari ini menyeru setiap golongan masyarakat di negara ini bersikap pemedulian, bertanggungjawab dan tidak camah mata dalam melaporkan kes penganiayaan kanak-kanak damit kepada pihak yang berwajib.

Melalui cara itu, tegas Yang Berhormat, madamat untuk membanteras kekejaman dan usaha untuk menyelamatkan kanak-kanak damit yang lemah itu akan dapat terlaksana.

"Perbuatan menzalimi kanak-kanak damit itu tidak harus kita biarkan begitu saja tanpa sebarang tindakan untuk melindungi mereka dari teraniaya secara berterusan," tegas Yang Berhormat.

Tindakan yang dimaksudkan, jelas Yang Berhormat bukan dengan menggunakan kekuatan fizikal untuk menentang mereka yang terlibat tetapi dengan cara melaporkannya

kepada pihak yang berwajib yang akan membawa kes-kes itu ke mahkamah atau kerajaan untuk diadili menurut undang-undang dan peraturan yang ada di negara ini.

Yang Berhormat berkata, dalam tahun 1991, beberapa kes penderaan kanak-kanak telah dilaporkan dan diambil tindakan menurut undang-undang oleh pihak mahkamah.

Walau bagaimanapun, ujar Yang Berhormat, pada hakikatnya kes penderaan kanak-kanak itu mungkin bertambah kerana kemungkinan besar ada kejadian yang tidak dilaporkan.

"Ini mungkin disebabkan oleh sikap yang tidak mahu mengambil serius terhadap kes penderaan kanak-kanak, tidak mahu turut campur tangan dalam hal ehwal masyarakat dan sikap tidak pemedulian sesama insan yang teraniaya," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat menekankan dan melahirkan harapan itu ketika berucap merasmikan Seminar Mencegah Penderaan Kanak-Kanak yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Yang Berhormat juga menegaskan bahawa sungguh pun langkah 'mendisiplin' adalah salah satu faktor yang utama dalam kita mengajar dan mendidik anak-anak kita demi membentuk mereka menjadi anak bangsa yang bertanggungjawab, bersopan santun dan berkeyakinan dalam menghadapi cabaran-cabaran di masa akan datang, tetapi cara 'mendisiplin' yang keterlaluan dan melampaui batas adalah ditegah oleh agama Islam dan merupakan

suatu kesalahan yang boleh didakwa di segi undang-undang apabila ia bertukar menjadi perbuatan mendera dan menzalimi kanak-kanak.

"Oleh itu kita haruslah berhati-hati agar cara 'mendisiplin' anak-anak kita itu dilakukan dengan cara yang sederhana, berpatutan dan tidak melampaui batas," tegas Yang Berhormat.

Berhubung seminar dua hari anjuran bersama Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu, Yang Berhormat berkata, seminar itu adalah penting dan sangat diperlukan bagi menyedarkan orang ramai dan masyarakat tentang merbahayanya perbuatan penganiayaan kanak-kanak yang bukan saja boleh merosakkan dan mencacatkan keadaan fizikal mereka bahkan boleh meninggalkan kesan yang negatif ke atas mental dan saikologi mereka.

"Usaha yang berkebakikan ini patut dicontohi oleh pihak-pihak atau badan-badan berkanun yang lain di negara ini dengan mengadakan perjumpaan atau dialog kerana kejadian penganiayaan terhadap kanak-kanak damit ini perlu dibanteras dari peringkat awal lagi," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berharap, para peserta seminar itu akan menumpukan sepenuh perhatian dan memberikan pandangan-pandangan yang berfaedah dan berkesan bagi mencari cara dan langkah yang positif untuk mencegah penyakit menganiaya kanak-kanak damit di negara ini dari berlarutan tanpa penyelesaian.

Kurangkan waktu keluar pejabat semasa bekerja

Oleh
Aliddin HM

GADONG, 27 Januari. — Ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan diseru supaya mengingati para pegawai dan kakitangan jabatan masing-masing untuk mengurangkan waktu-waktu keluar pejabat pada masa bekerja.

Pengarah Perjawatan, Dato Paduka Awang Danial bin Haji Hanafiah berharap dengan adanya disiplin diri dan tatakarya yang lebih, aliran kerja dan keberkesannya akan lebih terkawal.

Kita menyedari betapa perkara ini telah kurang dititikberatkan. Oleh yang demikian, jika kita telah mengetahui sebab-sebab kita gagal menepati waktu-waktu pejabat ini, adalah wajar pula kita usahakan untuk mengatasi masalah yang telah lama kita sedari ini," tegasnya.

Dalam mengaturkan masa kita sehari-hari, tambahnya, jadual-jadual atau pelan tindakan adalah perlu disediakan sebagai inisiatif diri sendiri. Ini adalah supaya tiada alasan seperti masalah menghantar anak ke sekolah atau tinggal jauh dari pejabat menjadi isu sehari-hari dan kurang pula usaha untuk bertolak dari rumah pada waktu yang lebih awal.

"Perkara seperti ini seolah-olah menjadi satu sebab yang tidak dapat dielakkan sedangkan masih terbuka luas cara untuk mengatasinya," tegasnya.

Mudah-mudahan keikhlasan serta kesungguhan bekerja, ujar beliau, akan terus diamalkan dengan menolak ke tepi unsur-unsur kelalaian dan keremehan.

Perkara ini telah pernah disarankan melalui surat-surat keliling mahupun saranan-saranan dari ketua-ketua jabatan sebelum ini, jelas beliau.

Pengarah Perjawatan berucap demikian di Majlis Perasmian Sesi Ceramah Jabatan Kemajuan Kerjasama "Gerakan Kerjasama-Pengalaman Sri Lanka dan Malaysia" di Jabatan Kemajuan Kerjasama di sini.

"Begitu juga hasrat kita

pada usaha untuk mencapai tujuan sosial dan ekonomi menerusi penyertaan dalam gerakan kerjasama. Malah apa jua perusahaan yang ingin dilaksanakan, sikap jujur, amanah dan disiplin diri mestilah sentiasa dipelihara," tegas Dato Paduka.

Dato Paduka menambah, dalam kita mengatur langkah ke arah memperkembangkan gerakan kerjasama di negara kita ini, tentulah penglibatan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan amat perlu demi untuk mencapai tujuan dan matlamat pembentukan pertubuhan sukarela ini.

Sebagai tenaga penggerak, tegas Dato Paduka lagi, selain dari sikap jujur dan amanah, adalah penting untuk dititikberatkan soal disiplin dan komitmen pada tugas. Tidak ada kepuasan dalam kejayaan jika sebahagian dari tenaga kerja kita lalai dan tertinggal.

Beliau juga menyeru para pegawai dan kakitangan kerajaan supaya dapat menyertai dan terus bergiat aktif dalam pertubuhan-pertubuhan kerjasamanya ini.

"Mudah-mudahan usaha-usaha yang bermanfaat seperti ini akan terus diperkembangkan semata-mata bagi menyumbangkan ke arah pembangunan negara kita ini juga," kata beliau.

Terdahulu sebelum itu Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama, Awang Harun bin Haji Ismail dalam ucapan alu-aluan antara lain berkata, ceramah yang disampaikan akan membawa dan menyorot para peserta mengetahui dasar-dasar dan perancangan serta strategi-strategi yang telah dilaksanakan dan dialami oleh kedua-dua negara iaitu Sri Lanka dan Malaysia di mana gerakan kerjasama di sana telah dapat memainkan peranan dan sumbangan yang mantap dan berjaya di dalam perubahan sosial dan ekonomi



PENGARAH Perjawatan, Dato Paduka Awang Danial bin Haji Hanafiah ketika berucap di Majlis Perasmian Sesi Ceramah Gerakan Kerjasama Pengenalan Sri Lanka dan Malaysia yang berlangsung di Jabatan Kemajuan Kerjasama, Gadong. — Gambar oleh Pg. Haji Abu Bakar PHO.

dalam memberikan kesedaran masyarakat untuk mengatasi kelemahan dan masalah se-jagat mereka seperti kemiskinan, kenaikan harga barangan yang tinggi dan eksploitasi orang tengah.

Beliau menambah, dengan adanya ceramah ini, kita akan dapat menilai serta membuat perbandingan yang relevan kepada Negara Brunei Darussalam supaya menjadi contoh teladan di mana para peserta akan dapat membuat rumusan persendirian betapa pentingnya gerakan kerjasama dijadikan salah satu elemen pembangunan masyarakat untuk berganding dengan institusi-institusi dan sektor ekonomi yang lain kerana Negara Brunei Darussalam mengani sistem pasaran terbuka.

Seramai lebih 60 orang peserta mengikuti seminar sehari yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Kerjasama yang terdiri dari ketua-ketua jabatan dan para pegawai kanan kerajaan.

200 hadir Seminar Mencegah Penderaan Kanak-kanak

BERAKAS, 27 Januari. — Lebih 200 orang dari pelbagai peringkat masyarakat hari ini menghadiri Seminar Mencegah Penderaan Kanak-Kanak yang berlangsung selama dua hari di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Mereka terdiri dari para pegawai penguatkuasaan undang-undang, ibu bapa, guru-guru, pekerja sosial pekerja kesihatan, ahli persatuan wanita dan para pemimpin masyarakat.

Menurut Ketua Pegawai Hal Ehwal Masyarakat yang juga pengerusi bersama seminar itu, Dayang Hajjah Zaliha binti Haji Mohidin, seminar anjuran bersama Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan itu adalah lanjutan dari projek penyelidikan mengenai penderaan ke atas kanak-kanak yang sedang dijalankan oleh Persatuan Siswazah Wanita bagi men-

dapatkan maklumat daripada mangsa-mangsa penderaan, orang-orang yang terlibat dan masyarakat umum bagi mengatasi masalah yang sedang menjadi isu serius dan perhatian umum di negara ini.

Seminar itu, menurut beliau, bertujuan:

*Memupuk kesedaran masyarakat akan isu penderaan dan kezaliman ke atas kanak-kanak;

*Menyebarkan maklumat kepada orang ramai bagi membolehkan mereka bekerjasama dengan pihak kerajaan dan pihak-pihak tertentu dalam usaha mencegah penderaan dan keganasan ke atas kanak-kanak dari terus berleluasa;

*Merumuskan cadangan-cadangan yang perlu diambil tindakan bagi kepentingan kanak-kanak yang didera dan keluarga yang terlibat.

Empat kertas kerja dari empat orang pakar dari dalam dan luar negeri akan diben-

tangkan di seminar itu yang memberikan gambaran yang luas mengenai isu penderaan berkenaan.

Selain itu tujuh kumpulan bengkel juga akan diadakan selepas pembentangan kertas kerja.

"Beberapa rumusan dan cadangan diharap akan dibuat oleh para peserta dan insya-Allah akan dapat dijadikan garis panduan oleh pihak kerajaan dalam mencegah dan membendung gejala-gejala sosial yang tidak diingini seperti ini," jelas beliau.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad, para pegawai kanan kerajaan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan juga hadir di majlis perasmian itu.

SIDANG KEMUNCAK ASEAN KEEMPAT DI REPUBLIK SINGAPURA



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika berkenan berangkat ke majlis makan malam yang diberikan oleh Isteri Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Goh Chok Tong di salah sebuah hotel terkemuka di republik tersebut.

GAMBAR-GAMBAR ini merakamkan sebahagian dari aturcara khas untuk para isteri Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN, Menteri-Menteri Luar dan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Keempat di Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berkenan berangkat ke acara-acara yang telah disusun oleh pihak penganjur bersama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan ahli kerabat diraja yang lain.

Gambar-gambar oleh Amat Moksins



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ketika menyakikan tiga jenis bunga angriker yang telah diberi nama istimewa iaitu Asean Lady, Asean Beauty dan Asean Princess sempena lawatan Duli Yang Teramat Mulia dan para Isteri Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN, Isteri-Isteri Menteri-Menteri Luar dan Isteri-Isteri Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN ke Botanic Gardens.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam bersama para isteri Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN di majlis makan malam yang diberikan oleh Isteri Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Goh Chok Tong.



DULI Yang Teramat Mulia diberikan penerangan mengenai salah satu alat tradisi Cina yang terdapat di Tang Dynasty Village ketika melawat ke perkampungan tradisi tersebut.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam juga berkenan berangkat ke majlis makan malam tersebut bersama dengan para Isteri Menteri-Menteri Luar dan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang lain selepas mengadakan lawatan ke Tang Dynasty Village.



DULI Yang Teramat Mulia sedang berbual meera dengan Isteri Presiden Republik Indonesia, Puan Tien Soeharto (dua dari kiri) dan Isteri Perdana Menteri Republik Singapura, Puan Goh Chok Tong di salah satu majlis. Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam.



A group of five women standing behind two tables covered with white lace cloths and large floral arrangements. The women are dressed in formal attire, including dresses and a sari. The setting appears to be an indoor event space with a patterned carpet and a window in the background.

**Majlis
Sambutan
Hari Puja
Usia
anjuran
BAKTI**

A group of people, including a woman in a floral dress and several men in military uniforms, standing around a large white cake on a yellow tablecloth. The woman is cutting the cake.

Duli Yang Teramat Mulia yang merupakan Penaung BAKTI beserta kerabat-kerabat diraja yang lain kemudiannya berkenan menerima junjung ziarah dan ucapan selamat puja usia dari ahli-ahli BAKTI yang hadir di majlis itu.

Majlis sambutan diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail.

Sambungan dari muka 1

MENJELANG HARI KEBANGSAAN

HAMPIR 12 ribu orang dari kementerian-kementerian, pasukan beruniform, pertubuhan awam dan sektor swasta, institusi-institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah dan maktab akan menyertai perhimpunan hari kebangsaan tahun ini.

Acara padang akan dipersembahkan oleh kira-kira 5,000 orang penuntut dari sekolah-sekolah menengah dan maktab, sementara perbarisan lalu akan disertai oleh pasukan beruniform, kementerian-kementerian, pertubuhan awam dan sektor swasta.

Di samping itu acara-acara seperti kad tayang oleh murid-murid sekolah rendah dan koir oleh para penuntut sekolah menengah juga akan dipersembahkan.

Sebagai persediaan menyambut Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kelapan yang bertepatan 'Menanai Kedaulatan Tanahairku' pada tahun ini latihan-latihan ini sedang giat dijalankan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Berakas di mana akan berlangsungnya acara gilang-gemilang itu nanti.

Latihan-latihan yang di buat oleh para penuntut yang akan membuat pengertian corak persembahan itu adalah di bawah pengawasan jurulatih Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan ahli-ahli Persatuan BERSATU dan Kumpulan Puteri Seni serta guru-guru dari sekolah-sekolah menengah yang mengambil bahagian.

KONSEP SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, Hari Kebangsaan adalah detik bersejarah 'Negara Brunei Darussalam mengambil alih semula tanggungjawab antarabangsa secara penuh sebagai sebuah negara yang BERDAULAT LAGI MER-

DEKA di kalangan masyarakat negara antarabangsa'.

Hari penuh bersejarah yang diraikan setiap 23 Februari adalah bagi memperingati detik bersejarah Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka dan menggerakkan rakyat dan kerajaan untuk mencapai dan mengisi hasrat kemerdekaan serta memperdalam dan mengukuhkan semangat cinta dan setia rakyat kepada negara.

Format Hari Kebangsaan akan dibuat seperti lazimnya setiap tahun iaitu dimulakan dengan upacara sembahyang berjemaah dan membaca surah Yaasiin di seluruh masjid dan surau.

TEMA : MENANAI KEDAULATAN TANAHAIKU

HURAIAN TEMA :

Sebuah negara yang berdaulat mempunyai maruah dan martabat yang beribawa yang dipancarkan melalui ciri-ciri bernegara :

- Kedaulatan raja.
- Keselamatan dan kedaulatan sempadan.
- Kerasmian agama Islam sebagai agama rasmi negara.
- Keluhuran undang-undang.
- Kedaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara.
- Kehormatan bendera Negara Brunei Darussalam.
- Kehormatan lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam.
- Penghayatan kebudayaan Melayu Brunei berlandaskan MIB.

Dengan adanya semangat cinta dan setia rakyat kepada negara menjadikan rakyat lebih :

- Berdisiplin.
- Komited.

- Bertanggungjawab.
- Bersatu padu.
- Efisien.
- Produktif.
- Progresif.
- Bersopan santun.

Demi menanai kedaulatan tanahairku.

TANAHAIKU bermaksud tanah tempat kelahiran, tanah tumpah darah bagi sesuatu bangsa yang mempunyai ciri-ciri tertentu seperti berkerajaan, bersempadan atau mempunyai integriti wilayah dan keluhuran undang-undang.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam istilah Tanahair memberi pengertian konseptual kegemilangan raja dan bangsa Melayu di zaman lampau yang berterusan hingga ke hari ini. Ianya juga memulihkan semangat dan rasa kekitaan bagi orang-orang Brunei dan mengandungi erti atau nilai leluhur.

RASIONAL TEMA

- Untuk sentiasa meningkatkan iman dan takwa.

KONSEP SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN



2. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui televisyen dan radio.

3. Perhimpunan agung.

PENGERTIAN CORAK PERSEMBAHAN

Kelahiran Tanahair.

Digambarkan oleh satu titik di tengah padang.

Asas Pembentukan Tanahair

Rumpun Melayu Brunei kaya dengan sejarah dan budaya bercita-cita untuk bersatu sebagai asas pembentukan sebuah tanahair atau negara dan bangsa Brunei.

Jalinan Kesatuan

Melaksanakan cita-cita ke arah penyatuan bangsa dengan menjalin dan memeterai janji keramat taat setia antara rakyat dan raja.

Membina Kesatuan

Membina mengukuhkan serta memelihara kesatuan bangsa dengan mendaulatkan raja dan unsur-unsur murni serta mulia budaya Melayu Brunei.

Tentangan dan Cabaran

Negara dan bangsa Brunei tabah serta berani mengha-

dapi tentangan dan cabaran sambil gigih mencari 'formula' pemersatu atau perpaduan untuk menegakkan kedaulatan bangsa dan tanahair.

Islam Daya Pemersatu

Islam sebagai salah satu daya utama pemersatu mengangkat mertabat bangsa ke tingkat yang lebih tinggi, mengukuhkan perpaduan dan meningkatkan kemakmuran tanahair.

Generasi Muda Penerus Cita-cita Bangsa

Melahirkan generasi baru dengan diasuh serta didikan berasaskan falsafah negara supaya menjadi anak bangsa yang yakin, bertanggungjawab dan berbudi untuk meneruskan cita-cita bangsa demi menanai kedaulatan tanahair.

Impian dan Cita-cita Bangsa

Masa hadapan yang lebih sejahtera dan cemerlang. Impian ini menuntut pengorbanan dari anak bangsa.

Menanai kedaulatan tanahairku.

AIR KEMERAH-MERAHAN

KEMENTERIAN Kesihatan mengingatkan orang ramai bahawa air kemerah-merahan masih lagi berlaku di Kota Kinabalu dan Kuala Penyu di Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, perairan di Negara Brunei Darussalam adalah bebas daripada air kemerah-merahan.

Dari itu kerang-kerangan dari Negeri Sabah masih lagi tidak dibenarkan masuk ke Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun kerang-kerangan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam adalah selamat untuk dimakan asalkan ianya dimasak dengan betul dan dengan membuang insang, perut dan organ-organ dalam ikan sebelum dimasak.

Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perikanan akan sentiasa memaklumkan orang ramai tentang sebarang perkembangan dari masa ke semasa.

Perkhidmatan Pos dibuka setiap hari Jumaat

BANDAR SERI BEGAWAN.

Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Pos dibuka setiap hari Jumaat bermula pada 10 Januari lepas di tujuh buah pejabat pos.

Pejabat-pejabat pos yang terlibat ialah pejabat-pejabat pos Bandar Seri Begawan, Seri Kompleks, Gadong, Lapangan Terbang Antarabangsa, Tutong, Setia dan Kuala Belait.

Jabatan itu dalam kenyaataannya baru-baru ini menjelaskan, perkhidmatan itu bermula di sebelah pagi dari pukul 8.00 hingga 11.00, dan

dari pukul 2.00 hingga pukul 4.00 di sebelah petang.

Di samping itu, waktu perkhidmatan di hari bekerja (hari Isnin hingga Khamis dan Sabtu) juga mengalami perubahan, iaitu dari pukul 8.00 pagi hingga 4.30 petang termasuk waktu rehat tengah hari. Sebelum ini waktu perkhidmatan bermula pukul 7.45 pagi.

Perubahan itu bertujuan bagi memenuhi keperluan orang ramai selain sebagai suatu usaha meningkatkan mutu perkhidmatan yang lebih selesa kepada mereka.



LATIHAN Hari Kebangsaan yang melibatkan hampir 12 ribu orang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Tingkatkan kerjasama dalam usaha membanteras jenayah

Oleh
Bolhassan HAB

BERAKAS, 24 Januari. — Pasukan Polis Diraja Brunei meminta orang ramai supaya meningkatkan lagi kerjasama dalam usaha untuk membendung dan membanteras jenayah.

Menyeru demikian ketika berucap di Majlis Penyampaian Lencana Pengawasan Kejrangan Kampong Madang di sini, Dato Paduka Awang Haji Alias seterusnya menjelaskan bahawa pihak polis setakat ini sangat berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan dan berharap sikap sedemikian akan berterusan. Pihak polis tidak akan dapat membanteras jenayah sepenuhnya tanpa sokongan orang ramai.

"Orang ramai mestilah memberikan maklumat segera kepada polis sama ada



PENOLONG Kanan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Alias ketika berucap di Majlis Penyampaian Lencana Pengawasan Kejrangan Kampong Madang. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

melalui telefon atau datang secara persendirian, setiap kejadian berlaku menghendaki tindakan segera," katanya.

Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Awang Haji Alias juga menyentuh mengenai statistik kadar jenayah sepanjang tahun 1991 iaitu sebanyak 2,247 bertambah sebanyak 63 kes berbanding pada tahun 1990.

Perangkaan jenayah itu dikategorikan kepada empat bahagian iaitu melanggar moral awam, mengenai kesalahan seseorang, mengenai kesalahan harta benda dan lain-lain kesalahan.

Antara kes-kes jenayah yang berlaku di negara ini dalam tahun 1991 ialah rompak 22 kes, perasugut/ancaman 8 kes, pecah rumah 222 kes, curi/pecah kereta/curi kereta 830 kes, menceroboh 13 kes, menyimpan barang yang disyaki curi 30 kes dan rosak barang 96 kes.

Orang ramai mestilah memberi kerjasama sepenuhnya tanpa takut akan risiko yang akan menimpa mereka jika mereka melapor. Pihak polis akan sentiasa bersikap tegas dan tidak akan menyebelahi mana-mana pihak.

Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Laila Jassa Awang Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat di majlis yang berlangsung di Sekolah Ugama Kampong Madang itu telah menyempurnakan penyampaian lencana kepada 19 orang ahli Jawatankuasa



PESURUHJAYA Polis, Dato Seri Laila Jassa Awang Haji Abdul Rahman ketika menyampaikan lencana kepada salah seorang ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejrangan Kampong Madang. — Gambar oleh Masmaleh HMA.

Pengawasan Kejrangan Kampong Madang.

Di majlis itu Pesuruhjaya Polis juga menyerahkan radio penghubung 'walkie talkie' kepada ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejrangan Kampong Madang dan ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejrangan Kampong Lumapas bagi kemudahan perhubungan dengan pihak-pihak tertentu.

Projek Pengawasan Ke-

jiranan Kampong Madang ditubuhkan pada 28 April, 1989 dengan tujuan untuk mengawal keselamatan Kampong Madang dan sekitarnya.

Sejauh ini Kampong Madang yang mempunyai lebih 1,200 orang penduduk berbilang kaum, menurut statistik merupakan sebuah kampung yang aman dari gangguan penjenayah walaupun di luar kawasan Kampong Madang terdapat beberapa kejadian jenayah.

Hanya satu sahaja kejadian rompakan berlaku pada tahun 1991 manakala pada tahun 1990 dan 1989 tidak ada kejadian jenayah dilaporkan.

Timbalan Pengerusi Ahli Jawatankuasa Pengawasan Kejrangan Kampong Madang, Awang Haji Mohd. Taib bin Sulaiman juga berucap di majlis tersebut.

Antara yang hadir ialah Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Ohman bin Awang Damit, pegawai-pegawai kanan kerajaan, para pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei dan penduduk setempat.

Sekolah Rendah Kampong Manggis ditukar nama kepada Sekolah Rendah Dato Marsal

Oleh
Abd. Karim HAB



DATO Seri Paduka Awang Haji Marsal bin Maun ketika berucap merasmikan penukaran nama Sekolah Rendah Kampong Manggis kepada nama Sekolah Rendah Dato Marsal. — Gambar oleh Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BERAKAS, 23 Januari. — Sekolah Rendah Kampong Manggis di Kampong Perpidahan Lambak Kanan di sini mulai hari ini telah ditukar nama kepada Sekolah Rendah Dato Marsal.

Majlis penukaran itu berlangsung di dewan sekolah itu yang disempurnakan sendiri oleh Dato Seri Paduka Awang Haji Marsal bin Maun.

Beliau yang berusia 78 tahun adalah penerima anugerah 'Tokoh Guru Berbakti' sempena Hari Guru dalam bulan September tahun lepas.

Di bidang pendidikan di negara ini, beliau antara lain telah memberikan sumbangan dalam menyusun dan mengemaskinikan pentadbiran pelajaran di negara ini, membuat perubahan dalam sistem pelajaran di negara ini dengan memasukkan beberapa mata pelajaran baru dalam kurikulum; membuat siaran kekal dan siaran sementara; menguatkuasakan undang-undang memaksa kanak-kanak hadir ke sekolah dan pengasas untuk penubuhan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

"Demi untuk meningkatkan jasa Dato yang telah banyak menyumbangkan tenaga dan fikiran demi kepentingan selain daripada bidang pendidikan dan kenegaraan malah bagi keseluruhan masyarakat Brunei khususnya, di atas

perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan sukut nama Yang Mulia Dato untuk nama sekolah ini, Sekolah Rendah Dato Marsal," ujar guru besar sekolah itu, Cikgu Awang Sikun bin Rayun dalam ucapan alu-aluan beliau.

Menyentuh mengenai sekolah berkenaan, Cikgu Awang Sikun berkata, bangunan sekolah itu mula digunakan dalam bulan Januari, 1990 dengan keramaian murid 824 orang.

Mulai tahun 1991, ia memulakan pengajian dalam dua sesi dan pada awal tahun 1992 ini telah mempunyai 1,015 orang murid dari prasekolah hingga darjah enam.

Sekolah yang mempunyai dua blok dan mengandungi 24 buah bilik darjah itu ketika ini mempunyai 52 orang guru dan sebelas orang kakitangan.

Kemudahan lain yang disediakan ialah sebuah blok pentadbiran yang antara lain mengandungi bilik guru besar, bilik guru-guru, bilik persidangan, kutubkhanah dan bilik ibadat.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Razak bin Haji Muhammad, para pengarah dan pegawai kanan Kementerian Pendidikan serta para pegawai kanan kerajaan adalah di antara jemputan khas yang hadir di majlis itu.

Majlis itu diserikan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji.

Doa selamat dibacakan oleh Awang Haji Jawawi bin Haji Taib, imam Masjid Kampong Sungai Hanching, Jalan Muara.

16 peserta Bengkel Prosesor-Mikro menerima sijil

JALAN MUARA, 21 Januari. — Bengkel Prosesor-Mikro anjuran Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR) berakhir hari ini dengan Majlis Penyampaian Sijil di Bilik Persidangan maktab berkenaan di sini.

Bengkel yang bermula pada 13 Januari lepas disertai oleh 16 orang peserta dari jabatan-jabatan kerajaan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dan pengajar dari MTSSR sendiri.

Majlis penyampaian sijil kepada para peserta telah disempurnakan oleh Pemangku Pengetua MTSSR, Awang Arsad bin Abdul Adis.

Menurut seorang pengajar kanan MTSSR, Awang Lee Nyeok Chong, bengkel yang dikendalikan oleh empat pensyarah MTSSR itu bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan tentang kegunaan prosesor-mikro.

Di samping itu ia juga adalah untuk melengkapkan para peserta dengan pengetahuan serta cara pengendalian alat berkenaan.



PEMANGKU Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Awang Arsad bin Abdul Adis ketika menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang menyertai Bengkel Prosesor-Mikro. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.



BANGUNAN Sekolah Rendah Dato Marsal yang terletak di Kampong Perpidahan Lambak Kanan. — Gambar oleh Masmaleh Haji Mohd. Ali.



KESEPAKATAN ASEAN..... Kewah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto, Presiden Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Puan Corazon C. Aquino, Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Puan Anand Panyarachun, Perdana Menteri Thailand dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad di Majelis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN Keempat. — Gambar oleh Pg. Behar PHO.

ASEAN capai kata sepakat

SINGAPURA, 28 Januari. — ASEAN telah mencipta satu sejarah penting dalam sidang kemuncaknya di republik ini dengan tercapainya kata sepakat untuk meningkatkan kerjasama di bidang perdagangan dan keselamatan bagi mencapai matlamatnya dalam menghadapi era baru.

Kesepakatan tersebut akan disertai dengan tindakan yang segera untuk memastikan ia berjalan menurut sebagaimana yang dirancang.

Ketua-ketua Kerajaan ASEAN ini bermesyuarat selama dua hari di sini yang berakhir hari ini dengan kata sepakat untuk membentuk Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) pada tahun 2008 untuk meningkatkan dan meluaskan perdagangan di kalangan negara-negara anggota ASEAN dengan cara memotong cukai import barangan secara berperingkat-peringkat.

Mereka juga sebulat suara untuk meningkatkan usaha sama dalam memastikan keselamatan rantau ASEAN dan seterusnya meningkatkan lagi dialog dengan negara-negara luar mengenai soal-soal kepentingan ekonomi dan keselamatan.

Persetujuan tersebut terkandung dalam Perisytiharan Singapura 1992 dan dua perjanjian lain bagi meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi ASEAN.

Kewah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke majlis tersebut bersama rakan-rakan baginda iaitu Tuan Yang Terutama Presiden Soeharto, Presiden Republik Indonesia; Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino, Presiden Republik Filipina; Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura (Pengerusi Sidang); Tuan Yang Terutama Tuan Anand Panyarachun, Perdana Menteri Thailand (Timbalan Pengerusi) dan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Tiga orang pemimpin ASEAN yang berucap di majlis penutup sidang itu sekata memberikan pandangan bahawa sidang tersebut telah memberi laluan baru yang akan memperluaskan lagi visi pertumbuhan tersebut dalam menghadapi perubahan iklim ekonomi dan politik dunia.

Tuan Yang Terutama Tuan Goh Chok Tong, Perdana Menteri Republik Singapura ketika menggugus persidangan tersebut berkata, sidang itu menandakan satu tahap baharu dalam kerjasama ekonomi dan politik ASEAN dalam menghadapi dunia yang telah banyak berubah.

"Sidang ini telah menetapkan arah baharu bagi ASEAN. Kita mesti melaksanakan kandungan dan semangat perisytiharan tersebut," kata Tuan Yang Terutama menegaskan.

Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Puan Anand Panyarachun menyifatkan banyak keputusan penting yang dicapai dalam sidang tersebut telah melebihi jangkaan awal.

"Apa yang telah kita capai sepanjang dua hari di sini adalah lebih daripada menambak kepada kejayaan kita pada masa lalu. Kita telah memperluas visi mengenai apa itu ASEAN," kata Tuan Yang Terutama.

Presiden Republik Filipina, Puan Yang Terutama Presiden Corazon Aquino pula berkata, "Kita telah membawa ASEAN ke arah baharu; arah yang ditandai oleh penglibatan yang lebih besar di atas satu sama lain; arah yang akan menuntut tindakan konkrit berdasarkan jadual waktu; arah yang mengukur kejayaan berdasarkan matlamat besar yang kita tetapkan dan yang kita capai."

Para ketua pemerintah ASEAN itu juga telah meluluskan skim Perjanjian Tarif Keutamaan Berkesanan Bersama (CEPT) bagi pembentukan AFTA yang telah ditandatangani oleh para Menteri Ekonomi ASEAN.

Ketua-ketua Kerajaan ASEAN juga telah menandatangani Perjanjian Ke Rangka Bagi

Meningkatkan Kerjasama Ekonomi.

Untuk memastikan rancangan kerjasama yang telah dimeterai itu berjalan mencapai matlamatnya, Ketua-ketua Kerajaan ASEAN itu juga memutuskan akan mengadakan sidang rasmi mereka sekali dalam setiap tiga tahun.

Berikutan dengan itu juga mereka bersetuju untuk membentuk sebuah majlis peringkat menteri bagi meneliti pelaksanaan CEPT.

Sehubungan dengan perkembangan terbaharu ini, Sekretariat ASEAN juga akan diperkemas lagi di mana ketua-

nya akan ditingkatkan kepada jawatan Setiausaha ASEAN yang berpangkat menteri bagi memastikan jentera ASEAN berjalan lebih cekap menuju matlamatnya.

Di bidang keselamatan ASEAN mencapai kata sepakat untuk meningkatkan kerjasama di kalangan negara anggota dan juga dengan negara-negara rakan dialog dan sahabat.

Sehubungan dengan itu, para ketua pemerintah ASEAN telah mengalu-alukan permohonan Vietnam dan Laos untuk menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama ASEAN (TAC).



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Majlis Sambutan Israk dan Mikraj.

Kita berkewajipan mempertahankan dan mengekalkan segala unsur kebaikan

Dari muka 1

memberikan kita pedoman. Apa yang perlu diingat dan sekaligus apa pula yang perlu dibuat menurut keutamaan. Semua yang sudah dan sedang berlaku, dan juga yang akan berlaku masing-masing itu membawa unsur tersendiri yang menghendaki penilaian kita," titah baginda.

"Jika yang telah berlaku itu terdapat unsur kebajikan di dalamnya," titah baginda, "maka kewajipan kita ialah menjadikan contoh dan ikutan dan begitu juga yang sedang berlaku adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempertahankan dan

mengekalkan segala unsur kebaikan yang ada di samping berusaha terus pada mengikis segala keburukan yang tidak mendatangkan apa faedah."

Perkara itu titah baginda memerlukan penumpuan dan perjuangan kita untuk masa depan di mana hasilnya nanti akan sempat menikmati ataupun tidak.

Tetapi bagaimanapun titah baginda, jika kita orang yang budiman maka sudah barang tentu perjuangan dan kerja keras kita akan terus berjalan dengan tidak mengenal titik berhenti iaitu demi generasi dan warisan kita yang akan datang.

"Begitulah yang dapat kita simpulkan mengenai teladan dan pengajaran yang dipancarkan oleh masa lalu seperti peristiwa Israk dan Mikraj yang sedang kita rayakan," titah baginda lagi.

Baginda bertitah lagi melalui peristiwa Israk dan Mikraj telah mengilhami dan memberikan jalan kepada kita yang hidup di penghujung abad ke 20 ini, bahawa peristiwa Israk dan Mikraj yang berlaku kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mempunyai pengajaran yang sampai sekarang masih diikuti dan dicontohi.

Tegasnya, titah baginda, Israk Mikraj adalah merupakan masa lampau yang tidak luput dan tidak luntur. Darpadanyalah terbit pimpunan dan disiplin yang berharga yang belum pernah wujud sebelumnya.



SEMBOYAN HARAU KEBANGSAAN
SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KALI KE-2
12 FEBRUARI 1992

مناني كدولتن تانه ايركو MENANAI KEDAULATAN TANAH AIRKU

دتریتکن اوله جباتن قراغن، جباتن فردان منتری دان دچیق اوله جباتن فرچیقن کراچان، کمترین اوندغ، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.